

**PENDEKATAN AMERIKA SYARIKAT DAN ARAB SAUDI KE ATAS  
PERANG SAUDARA DI SYRIA, 2011-2014**

**OLEH  
HEMAMALANI A/P KUNAPALAN**

**KERTAS PROJEK YANG DISERAHKAN KEPADA GHAZALI SHAFIE  
GRADUATE SCHOOL OF GOVERNMENT (KOLEJ UNDANG-UNDANG,  
KERAJAAN DAN PENGAJIAN ANTARABANGSA),  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA SEBAGAI  
MEMENUHI KEPERLUAN UNTUK IJAZAH SARJANA PENGAJIAN  
STRATEGIK**

## **PERAKUAN HAK CIPTA**

**Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan sebarang penulisan semula dan atau membuat salinan di mana-mana bahagian dalam bab atau isi kandungan dalam kertas kerja ini tidak kira dalam apa jua bentuk sekalipun sama ada melalui cetakan elektronik, fotostat atau rakaman dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran daripada Dekan Pengajian Siswazah Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia.**

## **ABSTRAK**

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor penglibatan Amerika Syarikat dan Arab Saudi dalam perang saudara Syria dan pendekatan–pendekatan yang diambil oleh kedua-dua negara bagi menyelesaikan perang saudara di Syria. Selain itu, kajian ini juga menganalisis tindak balas Amerika Syarikat dan Arab Saudi terhadap perang saudara ini. Terdapat beberapa pendekatan yang berbeza dan sama oleh Amerika Syarikat dan Arab Saudi ke atas perang saudara ini. Teknik analisis kandungan telah digunakan untuk menguji persoalan kajian. Kajian ini merupakan kajian yang penting dalam aspek akademik. Hal ini kerana, kajian seperti ini tidak banyak dilakukan dalam topik ini dan kajian ini akan menjadi sumber asas kepada mereka yang ingin memahami punca perang saudara Syria dan bagaimana Amerika dan Arab Saudi campur tangan dalam isu ini. Kajian ini adalah harapan bagi menyumbang kepada ilmu pengetahuan terutamanya dalam bidang Hubungan Antarabangsa.

## **ABSTRACT**

This study aims to examine the factors that lead the United States and Saudi Arabia's involvement in the Syrian civil war and the approaches taken by the two countries to resolve this war. There are several different and similar approaches taken by the United States and Saudi Arabia towards this war. It is expected that the similar approaches used by the United States and Saudi Arabia could offer some solutions to the civil war Syria. This study is also conducted to analyse the implications of the United States and Saudi Arabia's responses to the Syrian civil war. The content analysis method is used to examine and answer the research questions. This study is important in academics because such research has not been conducted and this study will be the basis for those who wish to understand the causes of civil war Syria and how the United States and Saudi Arabia to intervene in this issue. This study hopes to contribute to knowledge, especially in the field of International Relations.

## PENGHARGAAN

Pertama sekali saya ingin mengucapkan kesyukuran kepada Tuhan kerana dengan izin serta kekuatan mental dan fizikal, kertas kerja in berjaya dihasilkan. Di sini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada insan membantu dan menyokong saya tidak kira dari segi moral mahupun material dalam usaha menyiapkan kertas projek ini.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ibu saya yang tercinta. Beliau merupakan individu yang sangat mulia di dunia ini dan memberikan saya kekuatan dan bimbingan untuk menghadapi segala rintangan dan kesukaran yang saya hadapi sepanjang pelaksanaan kertas projek ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya kepada Tuhan kerana dianugerahkan penyelia kertas kerja saya, Dr.Norafidah Binti Ismail yang memberikan galakkan berterusan, inspirasi, bimbingan yang kukuh, idea-idea yang mantap, maklum balas yang tepat dan juga pemeriksaan kajian secara kritikal yang diberikan kepada saya. Begitu juga kepada semua pensyarah yang pernah mendidik saya secara langsung mahupun tidak langsung. Sesungguhnya, segala ilmu yang diberikan adalah bernilai untuk saya gunakan bagi menyiapkan kertas projek ini.

Ribuan penghargaan juga diucapkan kepada adik beradik saya. Terima kasih di atas segala dorongan dan pemahaman yang kalian berikan. Mereka juga sentiasa menjadi tulang belakang kepada setiap langkah dan kejayaan saya. Ucapan terima kasih juga kepada rakan-rakan saya telah banyak memberi sokongan moral dan semangat kepada saya dalam menyiapkan kertas projek ini.

## ISI KANDUNGAN

<b>BIL</b>	<b>TOPIK</b>	<b>M/S</b>
1.0	PENDAHULUAN	1
1.1	HUBUNGAN DUA HALA AMERIKA SYARIKAT DAN SYRIA	4
1.2	HUBUNGAN DUA HALA ARAB SAUDI DAN SYRIA	7
1.3	ELEMEN-ELEMEN KAJIAN	8
	1.3.1 PERNYATAAN MASALAH	9
	1.3.2 OBJEKTIF KAJIAN	10
	1.3.3 PERSOALAN KAJIAN	10
	1.3.4 KEPENTINGAN KAJIAN	11
	1.3.5 SKOP DAN LIMITASI KAJIAN	11
1.4	METODOLOGI	12
	1.4.1 BENTUK KAJIAN	12
	1.4.2 PROSEDUR PENGUMPULAN DATA	13
	1.4.3 TEKNIK MENGANALISIS DATA	15
1.5	KONSEP TEORITIKAL DALAM KAJIAN	16
	1.5.1 TEORI KLASIK REALISME	16
2.0	PENGENALAN	20
2.1	ULASAN KARYA	20
2.2	KESIMPULAN	26
3.0	PENGENALAN	28
3.1	FAKTOR-FAKTOR CAMPUR TANGAN AMERIKA SYARIKAT DALAM PERANG SAUDARA DI SYRIA	29
3.2	FAKTOR-FAKTOR CAMPUR TANGAN ARAB SAUDI KEATAS SYRIA	31
3.3	KESIMPULAN	33
4.0	PENGENALAN	34
4.1	TINDAKAN AMERIKA SYARIKAT DAN ARAB SAUDI KE ATAS PERANG SAUDARA DI SYRIA	34
	4.1.1 AMERIKA SYARIKAT	34
	4.1.2 ARAB SAUDI	38
4.2	PERBEZAAN PENDEKATAN AMERIKA SYARIKAT DAN ARAB SAUDI	40
4.3	PERSAMAAN PENDEKATAN DI ANTARA AMERIKA SYARIKAT DAN ARAB SAUDI	42
4.4	KESIMPULAN	43

5.0	KESAN-KESAN PENDEKATAN WASHINGTON DAN RIYADH	45
5.1	KESIMPULAN	49
6.0	PENGENALAN	51
6.1	KESIMPULAN	51
6.2	CADANGAN	52



## SENARAI SINGKATAN

UNHCR	UNITED NATION HIGH COMMISSION FOR REFUGEE
PBB	PERTUBUHAN BANGSA - BANGSA BERSATU
SPA	SAUDI PRESS AGENCY

## **BAB SATU**

### **Pengenalan**

#### **1.0 PENDAHULUAN**

Bab ini dimulai dengan perbincangan sejarah dan kedudukan geografi Syria. Tujuan perbincangan ini adalah memberi gambaran jelas kepada pembaca di dalam memahami punca sebenar perang saudara di Syria. Bab ini diteruskan dengan menyenaraikan elemen-elemen penting yang terdapat di dalam kajian yang dilakukan. Di antara elemen-elemen tersebut adalah objektif, signifikan dan skop kajian.

Syria adalah sebuah Negara merdeka yang terletak di timur laut Mediterranean. Ia berkedudukan di benua Asia Tengah yang merangkumi kawasan geopolitik yang luas; benua ini menghubungkan kawasan Asia, Afrika dan Eropah. Syria dikenali sebagai “Greater Syria” ataupun “Levant”.

Syria bersempadan dengan lima buah negara jiran. Syria juga, pada asalnya, merangkumi kawasan tanah tinggi Golan yang dimiliki Israel sejak 1967. Tanah tinggi Golan terletak di pinggir Syria and Israel yang berkeluasan 76 km (BBC News,2012). Kawasan ini sering menjadi isu perdebatan dengan negara Israel khususnya isu berkaitan dengan bekalan sumber air.

Pada 1920, Syria tertubuh di bawah pemerintahan Perancis. Hampir tiga puluh tahun kemudian (1946), Syria diisytiharkan sebagai Negara autonomi. Walaubagaimanapun, Syria masih belum diisytiharkan sebagai sebuah negara merdeka (BBC News ,2012 ).

Pada tahun 1963, parti Baath mengambil alih tampuk pemerintahan Syria dan bertahan sehingga tahun 1970. Hafez al-Assad mengambil alih tampuk pentadbiran didalam parti Baath. Beliau merupakan pemimpin ditaktor Syria selama 30 tahun.

Secara amnya, Syria adalah negara moden di mana ianya tertubuh secara bebas dalam masa beberapa tahun sejak perang dunia kedua. Walaubagaimanapun, Syria yang dahulu bukan seperti Syria sekarang. Penubuhan Syria melibatkan tempoh masa yang panjang dan ia juga kaya dengan sejarah. Kawasan bandar seperti Damascus, Aleppo dan Hama adalah kawasan bandar yang luas dan dibangunkan serta menerima pelbagai pencerobohan sepanjang ianya berkembang.

Tambahan lagi, agama juga memainkan peranan penting dalam sejarah Syria, di mana perselisihan di antara agama masih berlaku sehingga sekarang. Tiga agama signifikan monoteistik iaitu Judaisme, Kristian dan Islam mempunyai pengaruh besar dalam situasi Syria. Di sebalik itu, beberapa pecahan dalam agama Islam dan Kristian juga turut mulai bangkit di Syria. Pentadbiran secara ganas telah dipraktikkan selain disertakan bersama pemberontakan yang diketuai kumpulan muslim pada 1982. Justeru ia telah mengorbankan banyak nyawa. Ia bukan sahaja disebabkan oleh perbezaan agama iaitu diantara pentadbiran Alawite dan kumpulan

muslim sunni, akan tetapi, ianya juga disebabkan oleh aktiviti penindasan yang dilakukan oleh pentadbiran Assad ke atas setiap penentangan. Sebarang pemberontakan akan ditentang secara keras oleh pentadbiran sejak tahun 2011.

Segala kekacauan yang dapat dilihat di Syria sekarang telah bermula pada tahun 2011 dan perancangan rapi berkaitan dengan demonstrasi terhadap badan perundangan diklasifikasikan sebagai salah satu komponen yang menyumbang kepada Arab Spring. Keganasan dan kekejaman yang berlaku telah mencetuskan perang saudara besar-besaran selain ia juga menyumbang kepada penyingkiran dan penghapusan manusia. Sehingga kini, lebih dari 100,000 individu telah dijatuhkan hukuman mati, lebih dari 4 juta individu telah dipindahkan dan lebih dari 2 juta telah dibuang dari negara (Wallsh,D,2013). Hampir 6.8 juta individu yang masih berada di dalam Syria menerima tekanan dan memerlukan bantuan. Kesan-kesan dari situasi ini sukar dijangka dan secara global, ia memerlukan khidmat perunding politik, penggunaan senjata yang mempunyai kandungan bahan terlarang menghadapi penentangan dari pelbagai pihak; di mana tindakan yang lebih baik dan universal perlu dipraktikkan. Setakat ini, tiada lagi pendekatan dari pihak-pihak tertentu berjaya menamatkan konflik dalam masa terdekat, walaupun melalui ketenteraan atau rundingan damai. Kajian ini memfokuskan pemahaman dan penilaian serta menganalisis faktor-faktor kepada campur tangan Amerika Syarikat dan Arab Saudi dalam perang saudara Syria dan pendekatan yang diambil oleh kedua-dua negara bagi menyelesaikan perang saudara di Syria. Selain itu, kajian ini akan menekankan analisis berkaitan evolusi dan pembangunan hubungan dua hala di antara Syria dengan Amerika Syarikat dan Arab Saudi. Signifikasi kajian ini

adalah untuk memahami penglibatan dinamik Amerika Syarikat dan Arab Saudi dalam perang saudara Syria. Di sebalik itu, Amerika Syarikat dan Arab Saudi mungkin mempunyai perancangan mereka sendiri dalam merangka polisi untuk menyelesaikan perang saudara Syria. Namun begitu, terdapat juga faktor-faktor dalaman dan luaran yang turut memberi impak terhadap penyelesaian krisis ini. Peranan Amerika Syarikat dalam perang saudara Syria diklasifikasikan sebagai faktor penting, di mana ia menunjukkan permulaan pada titik penyelesaian masalah ini.

### **1.1 HUBUNGAN DUA HALA AMERIKA SYARIKAT DAN SYRIA**

Bahagian ini membincangkan tentang hubungan dua hala atau bilateral di antara Amerika Syarikat dan Syria. Bahagian ini akan menghuraikan beberapa objektif; antaranya perbincangan mengenai latar belakang sejarah berkenaan hubungan kedua-dua negara dan membincangkan evolusi serta pembangunan hubungan dua hala atau bilateral diantara Amerika Syarikat dan Syria.

Lebih dari setengah abad yang lalu, hubungan Amerika Syarikat dan Syria telah dikenal pasti dan ia berubah ketika berlakunya krisis. Amerika Syarikat sejak dahulu lagi menentang keras pendekatan luar yang digunakan Syria. Namun begitu, Amerika Syarikat masih mengiktiraf Syria sebagai satu unsur yang penting. Walau bagaimanapun, Amerika Syarikat masih meneruskan hubungan politik dengan Syria berikutan dengan kejadian buruk yang pertama; iaitu berlaku pada tahun 1979 yang tidak melibatkan negara lain. Kes-kes yang disertakan akan diaudit sebanyak dua kali ke atas penglibatan Amerika Syarikat dan Syria semasa pasca

perang dingin. Kes utama melibatkan pakatan sulit rasmi semasa Perang Teluk yang menunjukkan rasionalisasi dan faedah “bandwagoning”.

Apabila Amerika Syarikat mula meluaskan kekuatannya secara global pada tahun 1990s. Amerika Syarikat berada di dalam kedudukan yang selesa bagi membalas jasa Syria dalam perang dingin. Kes kedua meliputi kerjasama Syria dalam perang Amerika Syarikat terhadap keganasan berikutan kejadian 11 September. Selaras dengan kejatuhan Soviet Union, hubungan di antara Amerika Syarikat dan Syria mengalami perubahan dalam hubungan kerjasama antara dua negara tersebut.

Bermula awal tahun 1990, Presiden Bush masih keliru tentang bagaimana Syria menghadapi pelbagai isu seperti penyeludupan dadah, keganasan dan pendudukan Syria di Lubnan. Pada bulan April 1990, Amerika Syarikat telah mengeluarkan arahan mengecam gerakan-gerakan ini dan bersetuju dengan Syria. Dalam kebanyakan kes, apabila Iraq menyerang Kuwait pada bulan Ogos, ia telah dirancang untuk George bush dan Hafeez al –Assad untuk mengenalpasti peluang-peluang yang terbuka. Bagi Syria, apa yang penting adalah kerjasama dengan Amerika Syarikat; di mana ia mendorong pelbagai konsesi dari Amerika Syarikat, dan sebahagian daripadanya tidak dapat dicapai sendiri. Syria mengetahui bahawa penglibatan Amerika Syarikat adalah sebagai pendamai di Syria. Selepas perbincangan di (Damasyik) pada September 1990, Setiausaha Negara Amerika Syarikat, James Baker melepaskan Syria dengan alasan “*we accept that, as such, Syria was put on the terrorist rundown without any justification*”. Preseiden Hafez

Al-Assad diberikan kelebihan iaitu berkaitan dengan penambahbaikan wilayahnya. Pada November 1990, beliau bertemu dengan Presiden Bush di Geneva bagi membincangkan mengenai kerajaan pasca perang Kuwait, perancangan tentang persiapan perang saudara di Lubnan, rundingan damai Timur Tengah dan sebagainya. Namun begitu, isu yang paling besar adalah mengenai kerjasama diantara Amerika Syarikat dan Syria bagi memulihkan dan menguasai Lubnan menerusi konsesi ta'if 1990. Tahun 2000 menyaksikan pelbagai kejadian yang mengubah hubungan Amerika Syarikat dan Syria secara drastik. Pertama, pada bulan Mei 2000, Israel mengarahkan pasukan pertahanannya keluar dari Lubnan setelah beberapa tahun pendudukannya di sana. Tindakan ini telah melemahkan kawasan ketenteraan Syria di Lubnan, di mana ia telah diiktiraf suatu ketika dahulu bagi melindungi Lubnan dari perluasan kuasa oleh Israel. Kedua, Hafez Al-Assad meninggalkan anak lelakinya yang masih muda, Bashar untuk mentadbir negara. Pada tahun 2000, George W. Bush memenangi pilihanraya lantas menjadi presiden Amerika Syarikat dan beliau menyokong permintaan liberal dengan perspektif yang lebih agresif.

Serangan 11 September sejurus selepas George.W. Bush menjadi presiden membolehkan beliau menggunakan pengaruh beliau di Timur Tengah. Berikutan dengan kes 11 September, Presiden Bush telah membahagikan dunia kepada dua bahagian, pihak yang menyokong Amerika Syarikat dalam memerangi keganasan dan sebelah lagi pihak yang tidak membantu. George.W. Bush berminat dalam mengenalpasti ketakutan yang dihadapi oleh rakyatnya malahan beliau dapat mengurangkan kadar aktiviti keganasan di Amerika Syarikat. Sejak awal lagi,

Bashar Al-Assad tidak memerangai keganasan tetapi melancarkan strateginya iaitu menghantar al-Qaeda ke Amerika Syarikat. Kerajaan Syria membenarkan kemasukan Amerika Syarikat dan membenarkan pemeriksaan dilakukan lebih dari sekali dan menghalang penentangan ke atas Amerika Syarikat. Seymour Hersh menerangkan bahawa tahun 2002 adalah waktu yang tepat bagi Syria untuk membangun sebagai salah satu misi CIA dan termasuk dalam aktiviti menentang al-Qaeda, memberikan maklumat dan data yang banyak sehingga berakhir dengan pencerobohan dalam negara Iraq. Sejak dahulu lagi, Syria mengalami masalah dengan kumpulan Islam sunni dan mungkin mencari penyelesaian yang terbaik untuk kedua-dua pihak bagi mengelakkan persengketaan dari berlaku.

Akhirnya, Syria telah berjaya didominasi oleh kuasa besar dunia dan ia telah menentang pihak antagonis. Bagi sesetengah isu, penglibatan keselamatan di antara Syria dan Amerika Syarikat tidak akan bertahan lama. Al-Assad mengetahui dengan jelas tentang pencerobohan Amerika Syarikat ke atas Iraq dan kehendak Amerika Syarikat tidak mungkin dapat dihalang. Akhirnya, hubungan Amerika Syarikat dan Syria akan terputus justeru menjadi ancaman kepada Amerika Syarikat. Tambahan lagi, tekanan yang meningkat di antara pentadbiran George W.Bush dan Syria secara tidak langsung mendekatkan mereka kepada isu Iran.

## **1.2 HUBUNGAN DUA HALA ARAB SAUDI DAN SYRIA**

Bahagian ini menerangkan hubungan dua hala di antara Arab Saudi dan Syria dan turut membincangkan tentang latar belakang sejarah mengenai hubungan kedua-



dua negara. Selain itu, bahagian ini juga membincangkan tentang evolusi dan pembangunan hubungan dua hala Arab Saudi dan Syria.

Secara amnya, hubungan di antara Arab Saudi dan Syria lebih kepada hubungan dua hala. Tambahan lagi, Arab Saudi berpandangan jauh mengenai hubungannya dengan Syria dengan memberikan pelbagai sokongan kepada Syria. Pada permulaannya, penglibatan Arab Saudi disebabkan oleh penentangan Arab Saudi terhadap Israel dan mengharapkan Syria membantu dalam pembangunan radikal di Arab Saudi. Raja Abdullah berusaha menjalinkan hubungan rapat dengan Presiden Assad and beliau juga melihat Syria sebagai penstabil untuk kes Iraq. Selain itu, Arab Saudi menilai sokongan Syria dalam Perang Teluk dan memberikan sokongan dan sandaran politik kepada Syria untuk menjadi perantara di Lubnan. Walau bagaimanapun, perancangan ketenteraan Syria untuk ke Teluk kurang berkeupayaan dari segi kuasa berbanding dengan negara Mesir, dan Syria menghantar tenteranya untuk campur tangan. Disebabkan oleh Syria membantu Arab Saudi ketika Perang Teluk, Arab Saudi mengekalkan hubungan baik dengan Syria. (Cordesman, 1997)

### **1.3 ELEMEN-ELEMEN KAJIAN**

Bab ini akan merumuskan segala maklumat yang telah diperolehi dan digunakan bagi menyiapkan kajian ini. Persoalan kajian telah dibincangkan bersama dengan objektif kajian dan ulasan karya. Selain daripada itu, analisis kandungan juga telah dilakukan melalui sumber data yang sahih. Dapatan kajian akan dibincangkan di bab seterusnya.

### **1.3.1 PERNYATAAN MASALAH**

Perang saudara Syria telah membangkitkan isu-isu penting sejangat. Campurtangan pihak luar di dalam isu Syria mungkin boleh membantu menamatkan keganasan di Syria. Namun begitu, campurtangan ini juga boleh mencetuskan pelbagai isu lain. Pengalaman-pengalaman dari negara-negara yang membenarkan kuasa luar menyelesaikan masalah dalaman tidak dapat dijadikan panduan semasa. Penghantaran tentera pengaman atau perantara ke Syria boleh membawa kepada misi yang memakan masa yang panjang. Sebagai contoh, di Iraq, ia melibatkan kos yang sangat tinggi. Selain itu, misi pengaman atau perantara ini mungkin mengganggu Russia, China, Iran dan mungkin juga negara-negara lain. Objektif politik yang melibatkan sekatan ke atas Syria adalah tidak jelas, dan ianya adalah sesuatu yang sukar untuk meramalkan perkembangan dalam negara dan juga memikirkan faktor yang dapat menjatuhkan pentadbiran Assad. Peningkatan fanatisme di kalangan rakyat dapat mencetuskan ancaman dan juga bekalan senjata Syria juga boleh menyumbang kepada permasalahan lain di Syria. Berdasarkan isu di atas, kajian ini menunjukkan langkah atau pendekatan Amerika Ayarikat dan Arab Saudi ke arah usaha membantu Syria dalam menetapkan matlamat akhir peperangan dan menghuraikan signifikansi campurtangan kedua-dua negara dalam konflik ini. Sehubungan itu, kajian ini menunjukkan tentang impak pendekatan-pendekatan yang digunakan oleh Amerika Syarikat dan Arab Saudi dalam perang saudara Syria ini.

### **1.3.2 OBJEKTIF KAJIAN**

Berikut adalah objektif-objektif kajian ini:

- 1- Untuk mengenalpasti faktor-faktor yang membawa kepada campurtangan Amerika Syarikat dan Arab Saudi ke dalam krisis di Syria.
- 2- Untuk mengenalpasti tindakan Amerika Syarikat dan Arab Saudi dalam memberi respon terhadap perang saudara Syria.
  - 2.1 Untuk mengenalpasti pendekatan yang berbeza di antara Amerika Syarikat dan Arab Saudi ke atas perang saudara Syria.
  - 2.2 Untuk menganalisa pendekatan yang sama yang digunakan Amerika Syarikat dan Arab Saudi yang memungkinkan penyelesaian kepada perang saudara Syria.
- 3- Untuk menganalisa implikasi tindak balas Amerika Syarikat dan Arab Saudi keatas perang saudara Syria.

### **1.3.3 PERSOALAN KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk menjawab lima persoalan kajian.

1. Apakah punca utama campur tangan Amerika dan Arab Saudi dalam krisis di Syria?
2. Bagaimanakah Amerika dan Arab Saudi bertindak balas terhadap perang saudara ini?

2.1 Adakah Amerika dan Arab Saudi mempunyai pendekatan yang berbeza dalam perang sivil Syria?

2.2 Adakah Amerika dan Arab Saudi mempunyai pendekatan yang sama dalam menyelesaikan perang sivil Syria?

3. Apakah implikasi tindak balas Amerika dan Arab Saudi kepada perang sivil Syria?

#### **1.3.4 KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian ini merupakan kajian penting dalam akademik kerana kajian seperti ini tidak banyak dilakukan. Kajian ini diharap dapat menjadi sumber asas kepada mereka yang ingin memahami perang sivil Syria dan bagaimana Amerika dan Arab Saudi membuat campur tangan dalam isu ini. Kajian ini adalah bertujuan untuk menyumbang kepada ilmu pengetahuan terutamanya dalam bidang Hubungan Antarabangsa. Tambahan pula, isu yang dibincangkan ini adalah isu yang masih berterusan, dan ia mungkin akan menyebabkan campur tangan daripada negara asing yang boleh menjurus kepada kajian yang bakal dilakukan pada masa akan datang.

#### **1.3.5 SKOP DAN LIMITASI KAJIAN**

Kajian ini akan memfokuskan perang sivil Syria, terutamanya hal campur tangan Amerika and Arab Saudi dalam perang sivil. Kaedah utama dalam kajian ini melalui analisis terhadap kajian yang dijalankan sebelum ini terhadap perang sivil Syria dan

perkaitan peranan Amerika dan Arab Saudi dalam krisis ini. Di dalam kajian ini, terdapat beberapa limitasi yang dihadapi oleh penyelidik. Antaranya adalah bahan ilmiah seperti jurnal dan buku yang didapati terhad. Kajian ini hanya memfokuskan kepada penglibatan Amerika Syarikat dan Arab Saudi dalam perang saudara Syria. Oleh itu, sumber utama penyelidik untuk mengendalikan kajian ini adalah berdasarkan berita-berita yang dilaporkan oleh sumber BBC, REUTERS, Al-Jazeera dan sebagainya. Laporan-laporan yang diterbitkan oleh institusi-institusi antarabangsa dan *think-tank* juga menjadi sumber rujukan penyelidik.

## **1.4 METODOLOGI**

Bab ini akan menerangkan metodologi kajian yang digunakan di dalam kajian ini. Selain itu, bab ini juga menggariskan reka bentuk kajian, pengumpulan data dan analisis data. Di samping itu, bab ini turut membincangkan mengenai mekanisme yang digunakan dalam pengumpulan data, analisis, penerangan dan strategi kajian. Tujuan bab ini adalah untuk menyediakan pemahaman yang jelas terhadap keseluruhan proses kajian yang dijalankan.

### **1.4.1 BENTUK KAJIAN**

Burns & Grove (2003: 195) mendefinisikan reka bentuk kajian sebagai pelan tindakan dalam menjalankan sebuah kajian dengan kawalan maksimum terhadap faktor lain yang boleh mengganggu kesahan dapatan kajian. Parahoo (1997: 142) menerangkan bahawa reka bentuk kajian sebagai sebuah pelan yang menerangkan bagaimana, di mana, dan bila data diperolehi dan dianalisis. Manakala Polit et al

(2001: 167), pula mendefinisikan reka bentuk kajian sebagaimana pengkaji menjawab persoalan kajian atau menguji hipotesis kajian.

Tujuan reka bentuk kajian adalah untuk memaksimumkan jawapan yang sahih bagi persoalan kajian. Ini dapat dicapai dengan menggunakan “non-experimental”, kualitatif, pendekatan deskriptif penerokaan yang berbentuk kontekstual. Pengkaji menggunakan kaedah analisis.

Reka bentuk kajian berkait dalam menukar persoalan kajian kepada projek uji kaji. Reka bentuk kajian ini didefinisikan sebagai rancangan dan struktur penyiasatan dalam mendapatkan jawapan kepada persoalan kajian, dan pelan terhadap keseluruhan skim atau program kajian (Cooper & Schindler, 2008). Objektif utama kajian ini adalah bertujuan untuk menerangkan sifat hubungan di antara Syria, Amerika, Arab Saudi dan juga ingin mengetahui punca campur tangan Amerika dan Arab Saudi dalam perang sivil Syria.

#### **1.4.2 PROSEDUR PENGUMPULAN DATA**

Kajian ini turut melihat kepada kaedah pengumpulan data yang di analisis dalam data primer dan skunder. Perang sivil Syria merupakan tulang belakang dalam kajian ini. Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis secara kritikal sama ada perang saudara ini memberi kesan yang signifikan terhadap Amerika dan Arab Saudi. Pengkaji juga mengumpulkan data primer melalui pengumpulan ucapan ilmunan,

pemimpin politik Syria, Amerika dan Arab Saudi. Keseluruhan data ini diperolehi daripada BBC News. Artikel jurnal yang merupakan data skunder juga penting dalam memberi pemahaman terhadap kajian. Jurnal artikel utama di perolehi melalui sumber internet, melalui laman web Cambridge Journal Online, Jstor Arts & Sciences dan Lexis Nexis Academics, Ebsco dan Sage Publications.

Akhir sekali, jadual yang dihasilkan adalah bertujuan untuk menerangkan rangka masa ucapan daripada para intelektual dan pemimpin-pemimpin politik yang akan digunakan dalam kajian ini bagi mendapatkan maklumat lanjut dan untuk pengumpulan data khasnya untuk bahagian tertentu seperti yang telah dibincangkan.

Secara asasnya, kajian ini didatangkan dalam dua kaedah iaitu kaedah data skunder dan data primer. Kebiasaannya, data skunder diperolehi daripada carian internet. Data yang telah diperolehi daripada carian internet adalah seperti jurnal artikel yang diakses menerusi Google, Google Scholar dan capaian untuk jurnal artikel yang disediakan oleh Perpustakaan Sultanah Bahiyah (UUM). Selain itu, jurnal artikel ini juga diperolehi dari universiti lain serta kolej swasta. Tidak lupa juga, buku-buku penting bagi pengumpulan data dalam kajian ini kebanyakannya diperolehi daripada Perpustakaan Sultanah Bahiyah (UUM) dan perpustakaan luar dari UUM.

Data skunder juga diperolehi daripada dua sumber iaitu laman sesawang dan artikel surat khabar yang berkenaan perang sivil Syria. Artikel surat khabar adalah data utama yang mana telah dikumpul sepanjang krisis terjadi dan artikel itu berkisar tentang punca terjadinya perang saudara Syria. Artikel surat khabar ini dikumpul

secara rawak oleh kerana terdapat sesetengah surat khabar yang membincangkan aliran utama krisis dan ada yang membincangkan perspektif yang berlainan tentang krisis Amerika dan Arab Saudi.

### **1.4.3 TEKNIK MENGANALISIS DATA**

Bahagian ini akan menerangkan teknik yang digunakan untuk menganalisis data. Teknik utama yang digunakan adalah teknik analisis kandungan. Tujuannya adalah untuk melihat metod yang telah digunakan dalam analisis kandungan. Analisis kandungan digunakan sebagai salah satu cara untuk menganalisis isi kandungan dalam sesebuah penulisan. Apakah itu ulasan kandungan atau analisis kandungan? Apakah yang digunakan dalam kajian kualitatif? Menurut Bhattacharje melalui bukunya yang bertajuk “Research: Principles, Methods and Practices”, dalam kaedah kualitatif para pengkaji akan menggunakan sepenuhnya kemahiran analisis yang mana kaedah itu ditajamkan lagi melalui pengetahuan am tentang konteks sosial yang diperolehi melalui pengumpulan data. Analisis kandungan adalah satu analisis yang sistematik terhadap sesebuah teks. Analisis jenis ini akan dilakukan apabila terdapat banyak teks untuk dianalisis seperti artikel surat khabar, laporan kewangan, penulisan blog, ulasan internet dan banyak lagi. Kaedah ini dimulakan melalui penggunaan persampelan yang menyebabkan terjadinya perang sivil Syria. Selain itu, analisis kandungan turut dilakukan bagi menganalisis isu-isu semasa yang berkait dengan perang sivil Syria.



Selepas itu, hasil analisis data menunjukkan beberapa perubahan penting perang saudara Syria selepas berlakunya campur tangan Amerika dan Arab Saudi. Ia juga menerangkan punca terjadinya perang saudara Syria dan menerangkan jawapan kepada persoalan kajian.

## **1.5 KONSEP TEORITIKAL DALAM KAJIAN**

Bahagian ini akan menerangkan konsep teoritikal yang diaplikasi pada kajian. Pengaplikasian teori klasik realisme adalah untuk membincangkan isu perang saudara Syria. Teori ini merupakan teori yang penting untuk memberi satu gambaran kepada pembaca tentang kekejaman pentadbiran Al-Assad terhadap rakyatnya sendiri.

### **1.5.1 TEORI KLASIK REALISME**

Teori klasik realisme adalah teori realisme tradisional yang merupakan teori utama dalam Hubungan Antarabangsa. Dua daripada ilmuan realis adalah Thucydides dan Morgenthau; yang mana kedua-duanya berfokus kepada undang-undang dan keadilan (Lebow, 2010). Kedua-dua ilmuan membincangkan secara mendalam tentang kefahaman terhadap isu dan kelangsungan sesebuah kerajaan, sebagaimana ia menunjukkan komposisi mereka. Thucydides (460-390 sebelum masihi) adalah ilmuan Negara Agong yang membuat merekodkan perang Peloponnesian, dan Morgenthau (1904-1979) merupakan ilmuan Jerman yang mempunyai kesahan sebagai kaunselor yang berpindah ke Amerika.

Teori klasik realism boleh dikaitkan dengan hubungan dalam negara apabila terdapat ancaman kepada kedaulatan negara. Realisme fokus kepada kelangsungan hidup dan keselamatan negara dengan negara yang lain. Walau bagaimanapun, negara yang terlibat dalam perang saudara adalah bersifat individualistik yang mana kelangsungan hidup dan keselamatan dipertahan melalui ketenteraan.

Perpecahan rakyat Syria dapat dianalisa dengan menggunakan teori klasik realisme. Kerajaan Syria dan rakyat berperang untuk mendapatkan kelangsungan hidup dan keselamatan. Kedua-dua pihak dilihat sebagai aktor paling kritikal. Apabila kita mengaplikasi teori klasik realisme dan perpecahan sistem kepercayaan serta motivasi rasional kepada individu Syria, ia dapat diterangkan secara jelas melalui eksplorasi dan praktis pada fasa perpecahan rancangan penentuan. Dalam situasi di mana keseimbangan populasi daripada teori klasik realisme dan bukan memeriksa asas kumpulan dan kebergantungan mereka sebagai individu, kesahihan tradisional membolehkan pemahaman terhadap inspirasi individu Syria sebagaimana visi mereka yang akhirnya untuk membela nasib negara. Di samping itu, teori klasik realisme boleh mengenal pasti kehendak utama untuk individu Syria.

Pada pendapat saya, teori klasikal realisme adalah sesuai dengan idea dan hubungan rakyat sebagaimana ia berkaitan dengan konflik domestik. Rakyat Syria inginkan

keselamatan yang menjadi motivasi utama mereka. Melalui laporan yang diperoleh, konflik di Syria berpunca daripada motivasi individual rakyat Syria, pemerintahan dan keselamatan, yang menjadikan keselamatan sebagai isu utama. Sebab utama rakyat Syria inginkan keselamatan adalah untuk memerintah. Ini jelas membuktikan bahawa teori klasikal realisme sesuai untuk di aplikasi kepada perang sivil Syria.

Kebanyakan cendekiawan realism, secara langsung, akan mengaplikasi isu pemerintahan dengan prinsip kuasa (Lebow, 2010). Prinsip kuasa membolehkan sesebuah pemerintahan terbentuk, terhasilnya kepercayaan dan penghormatan terhadap sistem politik. Prinsip kuasa adalah penting bagi menjamin keselamatan individual. Pada ketika ini, kerajaan Syria menunjukkan bahawa ia tidak mampu untuk mempertahankan pemerintahan negara, walaupun sekatan puak telah menunjukkan kemampuan untuk membantu peperangan. Oleh itu, melalui tumpuan utama dan tarikan kuasa boleh dirombak dan pemulihan permintaan. Akibatnya, individu Syria perlu memulihkan kumpulan mereka dan cara untuk permintaan kolektif adalah berdasarkan kepada kehadiran fokus, kejayaan dan kuasa utama. Cadangan ini boleh mendapatkan asas kepada pemeriksaan dan masa praktis kepada perpecahan penentuan kaedah.

Keadilan juga merupakan isi utama teori klasik realisme. Dalam apa jua keadaan, keadilan terhadap kepercayaan amat diperlukan, dan ia merupakan asas utama dalam melahirkan sesebuah komuniti, dan sebagaimana yang dicadangkan sebelum ini, kumpulan diasaskan daripada permintaan. Kemudian, lahirnya kesahan terhadap kuasa adalah melalui keadilan. Keberkesanan aktiviti ketenteraan memerlukan

pemahaman yang lebih terhadap objektif, kualiti dan kelemahan yang berkaitan, musuh dan orang asing. Ia boleh menjadi penting, di mana ia memerlukan keberkesanan mental kepada keperluan lain (Lebow, 2010).

## **BAB DUA**

### **ULASAN KARYA**

#### **2. 0 PENGENALAN**

Bahan-bahan rujukan yang dinyatakan didalam bab ini merupakan hasil kajian ke atas perang saudara di Syria dan campur tangan Amerika Syarikat dan Arab Saudi ke atas Syria dari tahun 2010 sehingga 2014. Penilaian yang dibuat adalah berdasarkan kronologi tahunan. Hasil yang ditemui daripada bahan-bahan rujukan turut dianalisis dan dibincangkan di dalam bab-bab kajian yang seterusnya. Walau bagaimanapun, bab ini bertujuan memberi kefahaman berkaitan hubungan dua hala Amerika Syarikat - Arab Saudi dengan Syria. Ia juga membincangkan implikasi-implikasi campur tangan Amerika Syarikat dan Arab Saudi dalam perang saudara di Syria.

#### **2.1 ULASAN KARYA**

Cordesman (1997) menyatakan latar belakang sejarah dan perkembangan hubungan dua hala Arab Saudi dan Syria. Beliau juga menekankan bahawa Arab Saudi telah lama mempunyai hubungan baik dengan Syria dan telah memberikan dana bantuan yang besar kepada Syria. Pemberian dana dan hubungan yang erat di antara kedua-dua negara adalah berpunca dari kebimbangan terhadap tindakan Syria yang

mungkin menyokong pergerakan radikal menentang Arab Saudi dan tindakan Arab Saudi yang menjadi penentang kuat Israel.

Raja Abdullah mempunyai hubungan rapat dengan Presiden Al-Assad dan mula melihat Syria sebagai pertahanan strategik terhadap Iraq. Selain itu, penulis juga menyatakan bahawa Arab Saudi bersikap aktif di dalam memperolehi sokongan Syria semasa Perang Teluk. Di dalam memperolehi sokongan ini, Arab Saudi menghulurkan bantuan dan sokongan politik kepada Syria bagi menguasai Lubnan. Hasilnya, Syria menghantar tenteranya ke Teluk. Tentera ini mempunyai keupayaan yang hampir sama dengan tentera Mesir. Syria juga menghantar angkatan kedua tenteranya ke Teluk. Walaubagaimanapun, sebahagian besar peranan yang dimainkan oleh tentera ini adalah pasif. Prestasi tentera Syria ini tidak berupaya meyakinkan ahli-ahli keluarga diraja dan pegawai-pegawai tentera Saudi bahawa Syria menyokong Arab Saudi di dalam mempertahankan rantau Teluk. Namun, Arab Saudi terus mengekalkan hubungan yang baik dengan Syria.

Penulisan Jeremy M.Sharp pada tahun 2010, '*Syria: Background and U.S. Relations*', memberi tumpuan kepada aspek ekonomi Syria yang masih mengharapkan bantuan, aktiviti perdagangan dan pelaburan asing, khususnya dari negara-negara Barat. Pergantungan kepada aspek-aspek yang dinyatakan di atas amat diperlukan kerana ekonomi Syria amat bergantung kepada naik turun pengeluaran minyak dan dana asing. Selain itu, penulis juga cuba menganalisa cabaran yang bakal dilalui oleh kerajaan Syria. Negara-negara Timur Tengah yang dikuasai secara diktator dan sekular seperti Syria akan berhadapan dengan peningkatan gerakan

penentang yang dikuasai oleh kumpulan pejuang Islam. Lebih separuh abad yang lalu, gerakan politik Islam telah meningkat dan ianya telah mencabar kekuatan monarki dan autokratik yang wujud di Timur Tengah. Contohnya adalah kejayaan gerakan politik Islam menggulingkan pemerintahan Shah Iran melalui Revolusi Iran pada 1979.

Artikel jurnal bertajuk '*Saudi Arabian diplomacy during the Syrian Humanitarian Crisis: Domestic Pressure, Multilateralism, and Regional Rivalry for an Islamic State*' yang ditulis oleh Satoru Nakamura (2011) mengemukakan satu penilaian ke atas diplomasi Arab Saudi dan pengaruhnya terhadap krisis kemanusiaan Syria yang bermula dari Mac 2011 (Nota: '*Arab Spring*' berlaku di Syria pada bulan tersebut). Beliau turut menyatakan bahawa kerajaan Arab Saudi menghadapi tekanan domestik di dalam meningkatkan sokongannya kepada krisis kemanusiaan di Syria. Tekanan ini menyebabkan kerajaan Arab Saudi melancarkan dasar luar yang aktif untuk menentang rejim Al-Assad. Kerajaan ini juga dilihat mengatur tindakan yang lebih berkesan untuk mengelak sebarang tekanan dan pemulauan daripada masyarakat antarabangsa, khususnya Liga Arab. Arab Saudi memberi pertolongan persenjataan secara rahsia kepada pemberontak Syria bertujuan untuk menjatuhkan rejim Al-Assad. Selain itu, Nakamura turut menjelaskan bahawa Arab Saudi telah berkerja keras bagi menamatkan pertumpahan darah di Syria sejak musim panas tahun 2011. Beliau juga menggariskan persepsi positif yang diberikan oleh pihak-pihak tertentu kepada polisi-polisi kerajaan Arab Saudi yang memberi keutamaan kepada hak kemanusiaan bagi menjamin keadilan dan kelangsungan rakyat Syria. Persepsi ini diketengahkan apabila Arab Saudi dilaporkan mengemukakan cadangannya di

Perhimpunan Agung PBB. Cadangan tersebut adalah merujuk kepada draf resolusi pelan damai Arab di Syria. Ia dikemukakan sebelum undian dibuat pada 11 Februari.

Penulis artikel jurnal bertajuk '*Syria's Long Civil War*', Glenn e. Robinson (2012) memberi tumpuan khusus kepada punca-punca perang saudara di Syria. Robinson (2012) menekankan kegagalan membina identiti kebangsaan yang mantap di kalangan rakyat Syria sebagai salah satu punca yang membawa kepada peperangan tersebut. Beliau turut menegaskan bahawa kegagalan untuk membina identiti Syria yang kuat telah meninggalkan kesan kepada gerakan Nasionalisme Arab yang rata-ratanya begitu mentaati akan semangat bangsa dan agama masing-masing. Walaubagaimanapun, rasa kebersamaan diantara rakyat Syria masih lagi wujud.

Kebangkitan parti nasionalisme Arab menyebabkan Parti Baath melakukan rampasan kuasa tentera pada tahun 1963. Pemerintah baru Syria ini menolak identiti kebangsaan yang mengikut acuan Eropah. Di bawah pemerintahan parti Baath, Syria dianggap sebagai "pemerintah serantau" dan negara Arab tidak dilihat sebagai sebuah negara yang berasingan dan tersendiri. Keadaan ini berlanjutan sehingga berlaku penyusutan kuasa pemerintahan Hafez al-Assad. Pemerintahan Bashar al-Assad cuba mengembalikan identiti bangsa Syria. Pendekatan yang digunakan oleh Presiden Bashar adalah dengan menggunakan pengaruh politik di dalam mengenangkan pemikiran sosialisasi. Identiti bangsa Syria yang tersendiri di yakini dapat diperkenalkan melalui pendekatan ini. Robinson (2012) juga menekankan lima etno identiti utama dan beberapa pecahan etno identiti yang lain.



Laporan NATO (2012) memberi tumpuan kepada potensi campur tangan ketenteraan ke atas krisis di Syria. Laporan itu menyebut bahawa campur tangan tentera asing di Syria boleh membantu untuk menamatkan keganasan. Ianya juga dilihat boleh membawa kepada beberapa masalah lain. Campur tangan ketenteraan di Syria boleh bertukar menjadi satu lagi misi jangka panjang seperti di Iraq. Misi seperti ini memerlukan kos yang sangat tinggi. Penentuan jangka masa untuk sesuatu misi berada di negara-negara tertentu adalah sukar untuk ditentukan. Ini disebabkan oleh bentuk-bentuk konflik yang berbeza. Masalah lain yang akan timbul kesan daripada campur tangan ketenteraan adalah penglibatan negara-negara luar seperti Rusia, China dan Iran.

Laporan NATO meramalkan bahawa keamanan dan kestabilan di Syria berkemungkinan besar sukar dipulihkan seperti kes-kes yang berlaku di Afghanistan dan Libya. Hal ini berpunca dari beberapa perkara seperti matlamat politik pembangkang yang tidak menentu, risiko peningkatan serangan golongan pelampau dan simpanan senjata kimia di Syria. Ramalan perkembangan di Syria, khususnya kejatuhan rejim Al-Assad, juga sukar dilakukan.

Radha Iyengar & Brian Fishman (2013) membuat penilaian terhadap kepentingan strategik Amerika Syarikat ke atas krisis di Syria. Melalui analisis yang dilakukan oleh kedua-dua penulis ini, kepentingan Amerika Syarikat di Syria adalah bercanggah di antara satu sama lain. Ini kerana pembuat-pembuat dasar Amerika Syarikat dilihat tidak dapat membuat keutamaan di dalam pemilihan dasar yang bersesuaian dengan negara mereka. Kegagalan untuk mengutamakan kepentingan

Amerika Syarikat di Syria telah membawa kepada pemilihan tindakan ad hoc. Tindakan ini tidak mempunyai satu strategi yang sepadu dan matlamat yang jelas. Pada masa yang sama, pelbagai dasar yang dicadangkan gagal membantu Amerika Syarikat menghadapi risiko yang berkaitan dengan usaha mengakhiri krisis dan perang saudara di Syria. Pembuat-pembuat dasar Amerika Syarikat turut melihat Syria, khususnya rejim Assad, sebagai sebuah kuasa yang perlu diganti. Pergantian ini merupakan aspirasi kerajaan Amerika Syarikat.

Bilge (2013) dalam artikelnya *'The Effect of Syria Crisis on the Transformation and Integration of the Middle East'* telah melihat bahawa revolusi *'Arab Spring'* adalah sebagai sebahagian daripada proses transformasi dunia. Perubahan pada teknologi dan maklumat serta persilangan di antara budaya merupakan faktor-faktor utama yang memustahilkan kesinambungan sesebuah pemerintahan yang zalim untuk terus berkuasa. Walaupun setiap negara mempunyai ciri-ciri pemerintahan tersendiri, protes-protes yang berlaku di kebanyakan negara Arab adalah berkisar kepada isu-isu ketidakadilan sosial dan ketidakadilan ekonomi. Bilge (2013) menganalisa isu-isu *Arab Spring* di Syria dengan menekankan kedudukan strategik Syria di rantau Timur Tengah: Syria merupakan laluan perhubungan di antara negara Arab dan Turki.

*'Armed conflict in Syria: Overview and US Response'*, artikel terkini yang ditulis oleh Christopher dan diterbitkan pada tahun 2014, turut memberi tumpuan kepada dasar dan bantuan Amerika Syarikat kepada Syria. Kandungan artikel ini juga merangkumi usaha-usaha Washington di dalam membantu menyelesaikan krisis di

Syria. Christopher turut menilai pelaksanaan strategi-strategi Amerika Syarikat di Syria. Antaranya ialah penyediaan bantuan samada dalam bentuk persenjataan kepada kumpulan pemberontak, proses diplomasi masyarakat antarabangsa, proses transformasi sistem politik di Syria, dan bantuan-bantuan khusus kepada negara sekitar di dalam menghadapi krisis kemanusiaan di Syria. Seseengah bantuan Amerika Syarikat kepada Syria akur kepada sekatan-sekatan yang dikenakan ke atas rejim Al-Assad. Walaubagaimanapun, dana kecemasan disediakan untuk memudahkan rakyat Syria berhadapan dengan sekatan-sekatan ini. Sedikit sebanyak bantuan dan dana ini memperlihatkan peranan dan usaha Amerika Syarikat di dalam menggantikan pihak pemerintah di Syria: rejim Al-Assad perlu dijatuhkan dan digantikan dengan kumpulan anti-kerajaan. Amerika Syarikat berusaha memantapkan usaha-usaha kumpulan anti-kerajaan dengan menjadikan negara luar sebagai pusat gerakan mereka. Christopher turut menekankan bahawa pelaksanaan strategi-strategi ini, seperti pemberian bantuan dan dana, telah melalui beberapa siri proses bantuan yang diluluskan oleh Kongres.

## **2.2 KESIMPULAN**

Kesimpulannya, kebanyakan bahan rujukan yang diperolehi menganalisa perang saudara di Syria. Hanya sedikit sahaja dari bahan-bahan rujukan ini membincangkan campur tangan Amerika Syarikat dan Arab Saudi di dalam perang tersebut. Di samping kekangan ini, penyelidik cuba mendapatkan bahan-bahan rujukan dari keratan-keratan akhbar yang disediakan oleh institusi media antarabangsa seperti BBC, Reuters dan The Guardian (UK). Bahan-bahan ini membantu penyelidik menganalisa jawapan-jawapan kepada persoalan-persoalan kajian yang dikemukakan

di dalam Bab1: persoalan-persoalan ini merangkumi tindakan atau respon Amerika Syarikat dan Arab Saudi ke atas perang saudara ini.

## **BAB TIGA**

### **FAKTOR-FAKTOR AMERIKA SYARIKAT DAN ARAB SAUDI CAMPUR TANGAN DALAM PERANG SAUDARA DI SYRIA**

#### **3.0 PENGENALAN**

Bab ini menganalisa faktor-faktor yang membawa kepada campur tangan Amerika Syarikat dan Arab Saudi di dalam perang saudara di Syria. Bab ini dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama membincangkan secara ringkas faktor-faktor campur tangan Amerika Syarikat dalam perang saudara di Syria. Bahagian kedua menjelaskan sebab-sebab campur tangan Arab Saudi di dalam peperangan tersebut.

Amerika Syarikat dan Arab Saudi adalah rakan sekutu. Hubungan ini terbentuk pada tahun 1933. Keadaan ini mendatangkan satu kelebihan kepada kerajaan Arab Saudi: negara teluk ini mempunyai sistem pertahanan tentera yang berpengaruh. Pada masa yang sama, Riyadh juga memastikan bekalan minyak yang berterusan ke Washington. Isu sekatan minyak yang berlaku pada bulan Oktober 1973 bukanlah fokus utama hubungan Amerika-Saudi. Sebaliknya, fokus utama hubungan ini adalah aktiviti pengganas yang menyebabkan berlakunya insiden 11 September di Amerika Syarikat. Pengganas yang terlibat di dalam insiden ini dikatakan berasal dari Arab Saudi. Merujuk kepada perang saudara di Syria, Amerika Syarikat dan Arab Saudi cuba mempertahankan hubungan erat yang melangkaui usia lapan dekad.

### **3.1 FAKTOR-FAKTOR CAMPUR TANGAN AMERIKA SYARIKAT DALAM PERANG SAUDARA DI SYRIA.**

Faktor utama di sebalik campurtangan Amerika Syarikat di Syria ialah penggunaan senjata berbahaya di luar ibu negara Syria (Damsyik) pada 21 Ogos 2013( Abraham.R,2014). Amerika Syarikat menyalahkan kerajaan Syria kerana melancarkan serangan gas sarin terhadap rakyatnya. Kerajaan Syria menafikan tuduhan ini sekeras-kerasnya. Serangan ini mengorbankan 1429 rakyat Syria.

Amerika Syarikat mempunyai alasan lain yang boleh menghalalkan usaha mereka untuk terlibat dalam perang saudara di Syria. Di antara sebab musabab ini ialah kedudukan dan peranan Syria sebagai salah satu daripada negara-negara penting di Timur Tengah. Syria mempunyai sempadan dengan Turki dan Israel dan mempunyai hubungan yang rapat dengan Iran dan Rusia. Syria juga dilihat mempunyai peranan yang besar di dalam hal-ehwal Lubnan dan mempunyai peranan yang signifikan di Iraq. Syria telah menjadi orang tengah dalam perkongsian antara Iran dan perkembangan kumpulan pengganas di selatan Lubnan iaitu Hizbullah. Syria juga turut berdepan dengan beberapa siri peperangan dengan Israel yang merupakan sekutu utama Amerika Syarikat di rantau Timur Tengah.

Amerika Syarikat adalah salah satu perunding yang paling menonjol dan menentang kerajaan Syria yang dipimpin oleh Bashar al-Assad. Penentangan bertujuan untuk menjamin keselamatan orang awam Syria yang terus menjadi mangsa peperangan di

bumi sendiri. Amerika Syarikat turut berperanan dalam mengawal dan mencegah serangan kimia di Syria. Usaha pengawalan dan pencegahan ini dipertingkatkan selepas serangan kimia berlaku di Ghouta pada 21 Ogos 2013 (Ahmed.N, 2013). Amerika Syarikat juga turut melakukan penyiasatan bagi mencari siapakah yang memainkan peranan yang besar dalam peperangan tersebut. Amerika Syarikat turut menyalahkan kerajaan Syria kerana menggunakan senjata sintetik dan telah melakukan kekejaman terhadap orang awam.

Rundingan Geneva II yang melibatkan John Kerry dan beberapa aktivis serta beberapa buah kuasa termasuk kerajaan Syria telah menemui kegagalan. Walau bagaimanapun, keinginan Amerika Syarikat untuk campur tangan di Syria kembali kukuh apabila satu lagi serangan yang dahsyat berlaku di Syria. Serangan yang dikenali sebagai serangan 'Barrel-shell' mengorbankan beratus-ratus orang awam (BBC News, 2014 ). President Obama bertekad untuk lebih kritikal di dalam mencampuri isu di Syria. Beliau ingin memastikan wujudnya zon larangan terbang yang mampu menghalang Presiden Bashar daripada melakukan perkara semikian lagi. Zon ini juga dilihat boleh mempertingkatkan tekanan terhadap rejim Al-Assad.

Faktor lain yang mempengaruhi polisi Amerika Syarikat ke atas Syria ialah keperluan untuk mengimbangi kuasa-kuasa luar yang terlibat di dalam perang saudara ini. Sejarah perang dingin yang berlaku di antara Amerika Syarikat dan Kesatuan Soviet satu ketika dahulu berkemungkinan menghantui tindakan Washington ke atas Syria. Washington dan Moscow mempunyai pandangan dan pendekatan yang tidak sehaluan di dalam mencari penyelesaian ke atas perang

saudara ini. Sebagai contoh, Presiden Obama menegaskan bahwa penggunaan senjata sintetik di Syria diletakkan di bawah "garisan merah". Sekiranya, rejim Al-Assad melanggar garisan ini, kesan yang buruk akan berlaku. Namun begitu, Al-Assad tidak menghiraukannya. Pelanggaran ketetapan ini dibuat kerana rejim Al-Assad mendapat sokongan yang kuat daripada Rusia. Contoh lain adalah penyerahan senjata-senjata kimia oleh pentadbiran Assad kepada institusi antarabangsa. Presiden Putin menyatakan bahawa usaha ini hanya akan berfungsi jika Amerika Syarikat dan Arab Saudi meninggalkan tindakan kekerasan terhadap Syria.

Moscow merupakan penyokong kuat rejim Al- Assad dan menjadi sekutu Syria dalam tempoh yang agak panjang. Presiden Putin sering mendakwa pentadbiran Al-Assad sebagai sebuah kerajaan yang sah di Syria. Rusia memperuntukkan berbilion-bilion dollar kepada Damsyik dan mempunyai pangkalan maritim di Latakia.

### **3.2 FAKTOR-FAKTOR CAMPUR TANGAN ARAB SAUDI KEATAS SYRIA.**

Arab Saudi sering dilihat berdiam diri dalam kebanyakan isu yang timbul diperingkat antarabangsa. Pihak berkuasa Arab Saudi sering mengulangi pendirian bahawa kerajaan mereka tidak akan campur tangan dalam sebarang pertelingkahan negara asing. Di dalam isu Syria, kerajaan Saudi telah mengubah pendirian mereka dari berdiam diri dan mula memberi respon ke atas perang saudara di Syria.

Arab Saudi berjaya membuktikan keupayaannya mencapai kedudukan penting di dalam isu-isu keselamatan antarabangsa. Negara ini merupakan negara yang penting dalam usaha melawan pendudukan Kesatuan Soviet di Afghanistan dan serangan



Iraq ke atas Kuwait. Arabia Saudi juga telah menjadi pelaku penting dalam peperangan menentang gerakan pengganas di seluruh dunia. Keupayaan mereka disamping menjadi sekutu kuat Amerika Syarikat telah berupaya menjadikan Arab Saudi sebuah kuasa yang sangat dihormati.

Saudi Arabia berusaha untuk menyingkirkan Assad yang berasal dari golongan minoriti Alawi yang berkuasa ke atas majoriti penduduk Syria berfahaman Sunni. Kerajaan Saudi melihat hal ini sebagai usaha yang sangat penting kerana keluarga Al- Assad telah memerintah Syria selama 42 tahun dan mereka perlu diubah supaya penguasaan Sunni di Syria dapat diperkukuhkan lagi.

Menyorot kembali sejarah hubungan Saudi-Syria, kerajaan Saudi mempunyai hubungan yang signifikan dengan keluarga Al-Assad. Ia merupakan sekutu kuat Syria bermula di era pemerintahan Hafeez al-Assad. Pemerintahan Al-Assad melihat bantuan Arab Saudi sebagai alat yang mengukuhkan pemerintahannya kerana kerajaan Saudi telah membantu Syria untuk terus membangun dan berkembang. Walaubagaimanapun, pembunuhan Perdana Menteri Lubnan iaitu Rafiq Hariri pada 2005 menjadikan hubungan dua hala Saudi-Syria dingin dan segala bantuan mula ditarik balik (Nota: Hariri adalah seorang Sunni yang berfahaman sederhana dan mempunyai hubungan yang sangat baik dan akrab dengan Arab Saudi). ( Manfreda, P., 2014 ).

### **3.3 KESIMPULAN**

Secara tuntasnya, bab ini menggariskan faktor-faktor Amerika Syarikat dan Arab Saudi campur tangan dalam perang saudara di Syria. Bab ini telah mengenal pasti beberapa faktor yang menyebabkan Amerika Syarikat dan Arab Saudi campur tangan dalam perang saudara ini. Faktor pertama yang menyebabkan Amerika Syarikat dan Saudi Arabia campur tangan adalah penggunaan senjata berbahaya di luar ibu negara Syria Damsyik oleh pentadbiran Al-Assad. Amerika Syarikat menyalahkan kerajaan Syria kerana melancarkan serangan gas sarin terhadap rakyatnya. Arab Saudi berpendapat bahawa pentadbiran Al-Assad perlu diubah supaya penguasaan Sunni di Syria dapat diperkukuhkan lagi.

## **BAB EMPAT**

### **PENDEKATAN AMERIKA SYARIKAT DAN ARAB SAUDI KE ATAS**

#### **PERANG SAUDARA DI SYRIA**

#### **4.0 PENGENALAN**

Bab ini akan menganalisa pendekatan Amerika Syarikat dan Arab Saudi ke atas perang saudara yang sedang berlaku di Syria. Ia juga memberi penekanan kepada hujah-hujah mengenai pendekatan yang sama dan langkah-langkah yang berbeza yang diambil Amerika Syarikat dan Arab Saudi bagi menyelesaikan perang saudara ini.

#### **4.1 TINDAKAN AMERIKA SYARIKAT DAN ARAB SAUDI KE ATAS PERANG SAUDARA DI SYRIA**

##### **4.1.1 Amerika Syarikat**

##### ***Langkah-langkah Berjaga Kongres Amerika***

Amerika Syarikat mengkaji strategi-strategi yang boleh menghalang Presiden Bashar al-Assad daripada menjalankan apa-apa serangan ke atas orang awam Syria. Apa yang berlaku di Syria dan Timur Tengah merupakan satu tindakan yang telah melampaui batas kemanusiaan. Walau bagaimanapun, Presiden Obama masih tidak mempunyai kuasa untuk berperang di Syria selagi tidak mendapat sokongan dan arahan daripada Kongres untuk berperang. Sebarang bentuk serangan yang tidak wajar ke atas Syria mungkin akan membuatkan keadaan menjadi lebih buruk.

Dalam bulan Ogos 2012, Amerika Syarikat menghadapi halangan untuk campur tangan di Syria (Euronews, 2014). Hal ini disebabkan oleh keengganan Kongres untuk membincangkan idea Obama-Kerry bagi melancarkan serangan roket ke atas Syria. Jikalau serangan tersebut dijalankan, maka perang Syria akan menjadi semakin teruk. Presiden Bashar akan melakukan apa sahaja untuk memastikan peperangan tersebut berakhir. Oleh kerana tentera udara Amerika Syarikat telah memberi tumpuan untuk menyerang rejim Bashar, tetapi selagi sekutu-sekutunya masih memberi bantuan persenjataan, sudah pasti Amerika Syarikat akan berhadapan dengan peperangan yang tidak akan berkesudahan. Kebarangkalian kadar peperangan yang lebih dahsyat mungkin akan mengubah suasana di Syria.

Serangan yang dilancarkan oleh Amerika Syarikat di Afghanistan dan Iraq telah mewujudkan persepsi negatif dalam kalangan ahli kongres terhadap Amerika Syarikat. Campur tangan Amerika Syarikat di Libya mengukuhkan lagi rasa ketidakpuasan terhadap kerajaan Amerika. Perkara ini telah menimbulkan keraguan ahli kongres untuk meluluskan draf resolusi campur tangan ketenteraan Amerika Syarikat di Syria. PBB melihat, penggunaan kuasa ketenteraan Amerika Syarikat dalam perang saudara ini berpotensi untuk memburukkan lagi keadaan di Syria. Penglibatan kuasa ketenteraan yang bertujuan untuk memulihkan situasi yang rumit di Syria akan menjadi halangan besar kepada rejim Al-Assad.

Kerajaan dan Kongres Amerika Syarikat masih tidak dapat membentuk satu keputusan yang konsensus sama ada membekalkan senjata kepada pemberontak di Syria ataupun campur tangan tentera Amerika Syarikat ke atas keadaan yang sedang berlaku di Syria. Pada 31 Ogos 2013, Presiden Obama mendakwa bahawa Amerika Syarikat perlu mengambil tindakan ketenteraan terhadap kerajaan Syria (Arabnews.com, 2014). Bagi tujuan ini, Presiden cuba mendapatkan kelulusan daripada Kongres. Ketua Setiausaha Amerika Syarikat, John Kerry, menyatakan bahawa Amerika Syarikat akan melancarkan serangan ke atas rejim Al-Assad di Syria. Menurut beliau dunia tidak boleh berdiam diri apabila Al-Assad melancarkan serangan kimia terhadap rakyatnya. Setelah berbahas selama beberapa jam di kongres, ahli kongres bersetuju atas pendapat beliau.

John Kerry bersama dengan Presiden Obama tidak putus-putus menyeru pembuat-pembuat polisi di Amerika serta rakyat Amerika untuk menyokong tindakan Amerika Syarikat yang ingin menyerang Syria. Kerajaan Amerika Syarikat turut membentangkan draf resolusi untuk membenarkan penggunaan kuasa tentera di Syria. Pada 4 Sep 2013, Dewan Senat Amerika Syarikat telah meluluskan resolusi untuk menyerang Syria secara terhad dan Kongres pula akan bersidang untuk membuat pengundiaan ke atas resolusi yang sama. Media-media utama Amerika Syarikat mengulangi lagi peranan mereka sebagai mesin propaganda untuk kerajaan Amerika Syarikat (Ali, T. 2014).

Pada bulan yang sama (September 2013), Presiden Obama telah berusaha untuk mendapatkan sokongan Kongres bagi melancarkan misi ketenteraan terhadap Syria.

Kongres telah menangguhkan proses undian bagi perkara tersebut kerana mereka melihat kerajaan Syria telah mula menyerahkan senjata kimia untuk perlupusan.

### ***Kebimbangan Rakyat Amerika ke atas Campur Tangan Ketenteraan***

Pelan Amerika Syarikat untuk melancarkan serangan ke atas Syria tidak sama seperti pelan peperangan ke atas Iraq yang berlaku pada tahun 2003: beratus ribu tentera Amerika Syarikat telah dilibatkan di dalam perang di Iraq. John Kerry, Senator McCain, Chuck Hagel (ketua pertahanan Amerika Syarikat) dan Presiden Obama berkali-kali mengeluarkan pernyataan bahawa tiada rakyat Amerika yang akan secara fizikal pergi berperang ke Syria. Hanya roket yang akan dilancarkan dari beberapa buah kapal tentera laut Amerika Syarikat yang berada berdekatan Syria. Jet pejuang Amerika juga tidak akan terlibat di dalam serangan ini.

Oleh itu, rakyat Amerika Syarikat tidak perlu bimbang akan jumlah yang akan terkorban. Rakyat Amerika sudah jemu dan trauma dengan perang dan kematian anak bangsa mereka di negara lain. Hampir 4,500 tentera Amerika Syarikat terkorban di Iraq dan beratus-ratus ribu lagi cedera (Bound, M.,2014).

### ***Pembentukan Kerajaan Peralihan***

Amerika Syarikat juga sebenarnya mahu menggulingkan kerajaan Bashar al-Assad dengan menggesa kepada pembentukan kerajaan peralihan terutamanya ketika sesi rundingan di Geneva. Rumah Putih (*White House*) juga mengambil pendirian untuk

menilai semula sebarang kemungkinan bagi memudahkan mereka untuk campur tangan dalam perang saudara di Syria (Sakura N,2013).

### ***Bantuan Khusus***

Sebagai satu perubahan kritikal ke atas pendekatan-pendekatan yang telah diambil, Amerika Syarikat telah mengisytiharkan pemberian bantuan khusus untuk sekatan yang dikenakan ke atas Syria seperti makanan dan bantuan perubatan kepada mangsa-mangsa peperangan. Kenyataan ini diisytiharkan oleh John Kerry (BBC New, 2014).

#### **4.1.2 Arab Saudi**

Bermula dari Mac 2011, kerajaan Arab Saudi berusaha untuk menamatkan perang saudara di Syria dan mengembalikan keadilan kepada rakyat Syria. Terdapat beberapa strategi untuk mengatasi peperangan ini. Di antara strategi tersebut ialah mencadangkan draf pelan damai Arab. Usaha kerajaan Arab Saudi di dalam menyuarakan draf ini di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sebelum proses pengundian pada 11 Februari 2012, agak terbatas. Spekulasi yang mengatakan Arab Saudi secara rasminya mendedahkan draf resolusi yang lain turut dinafikan oleh *Press Agency Saudi (SPA)* (Joellah.H,2012 ).

Arab Saudi mula memantapkan peranannya di dalam mengatasi situasi yang mencemaskan di Syria. Pada 7 Ogos 2011 Raja Abdullah (raja Arab Saudi) membuat satu pengisytiharan rasmi melalui *SPA* (Sakura.N,2013). Raja Abdullah mendesak

pemimpin-pemimipin Syria menghentikan "mekanisma pembunuhan" di Syria. Kenyataan Raja Abdullah adalah di luar jangkaan dan dianggap sebagai satu keputusan yang jitu. Titah Raja Abdullah dikhususkan kepada penduduk Syria, menyeru penyingkiran rejim Al-Assad.

Di samping itu, SPA juga melaporkan bahawa menteri Arab Saudi pergi ke Syria untuk memberi bantuan bagi menghentikan keganasan yang berlaku. Kebimbangan utama kerajaan Arab Saudi adalah untuk mewujudkan keadilan sebelum keadaan di Syria bertukar menjadi semakin meruncing. Selain itu, kerajaan Arab Saudi juga berhasrat untuk memulihkan dan mengekalkan keamanan di Syria.

Semenjak kerajaan Al-Assad melakukan serangan dan pembunuhan beramai-ramai ke atas rakyatnya, kerajaan Arab Saudi telah mengambil tindakan mengusir diplomat Syria di Arab Saudi dan menyokong keputusan untuk memeriksa keupayaan senjata Syria.

Bermula Jun 2012, Arab Saudi membuat satu perancangan untuk mengadakan satu mesyuarat operasi di Istanbul bagi mengatur penghantaran senjata kepada pemberontak Syria. Walaubagaimanapun, puak pemberontak ini (kumpulan yang menentang kerajaan Syria) boleh memperoleh senjata-senjata dari kumpulan-kumpulan penentang lain di Syria seperti yang telah berlaku pada bulan Januari 2012. Senjata-senjata ini berkemungkinan diedar melalui aktiviti penyeludupan di sepanjang sempadan Turki, Lubnan dan Iraq. Aktiviti ini sukar untuk dihapuskan.



Selain daripada itu, kerajaan Saudi dan Qatar telah membuat persetujuan untuk menghantar bantuan persenjataan dan logistik kepada puak penentang di Syria.

Di peringkat domestik (dalam negara), kerajaan Arab Saudi cuba mengawal pergerakan pejuang-pejuang Islam daripada menyertai zon perang di Syria. Pada masa yang sama, kerajaan Arab Saudi berusaha mengumpul dana untuk penduduk Syria yang mencari perlindungan di Arab Saudi.

Pendekatan Arab Saudi ke atas Syria mendapat respon yang baik dari pihak-pihak tertentu. Sesetengah penganalisis mengagumi pendekatan negara Arab ini. Malah, tindakan ini dianggap sebagai "murah hati". Sesetengah pihak melihat pendekatan ini sebagai pemahaman atau perkiraan dinamik.

#### **4.2 PERBEZAAN PENDEKATAN AMERIKA SYARIKAT DAN ARAB SAUDI**

Kebangkitan damai di Syria bertukar kepada perang saudara dan bersenjata. Ini berpunca dari kerajaan Syria yang kejam. Majlis Keselamatan PBB telah menganggarkan 70,000 orang telah terkorban di dalam konflik dan peperangan. Manakala 100,000 rakyat Syria telah melarikan diri ke negara-negara jiran. Lebih-lebih lagi, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNHCR) , telah melaporkan bahawa lebih 1.5 juta penduduk Syria telah berdaftar sebagai pelarian (Refworld 2014).  
(Rujuk Lampiran 3)

Ketika persidangan di PBB, Presiden Obama telah menyatakan hasrat kerajaannya untuk menyingkir pentadbiran Syria melalui sokongan pakatan antarabangsa. Presiden Obama ingin mendapat sokongan daripada pakatan antarabangsa yang menentang pentadbiran Al-Assad. Amerika Syarikat dapat membuat perubahan politik di Syria secara mudah. Amerika Syarikat dan pakatan antarabangsa telah mengumpul dana sebanyak US\$385,000,000 untuk memberi sokongan dan bantuan mengurangkan penderitaan pelarian-pelarian Syria (Refworld, 2014).

Arab Saudi mendapati bahawa komitmen Amerika Syarikat terhadap perang Syria adalah tidak bersungguh-sungguh. Ini merupakan satu perbezaan pendekatan yang jelas antara Arab Saudi dan Amerika Syarikat di dalam menangani krisis Syria. Tindakan yang teragak-agak untuk menyerang pentadbiran Al-Assad oleh Amerika Syarikat, menimbulkan rasa kemarahan Arab Saudi. Ketua perisikan Arab Saudi, Putera Bandar bin Sultan, telah menyatakan bahawa Arab Saudi akan membuat perubahan yang drastik dalam hubungan dengan Amerika Syarikat. Arab Saudi tidak mampu menahan kesabaran ke atas tindakan Amerika Syarikat terhadap situasi di Syria. Perkara ini turut meningkatkan rasa ketidakpuasan hati Arab Saudi terhadap Amerika Syarikat.

Ketidakpuasan hati diterjemahkan di dalam dasar luar kerajaan Saudi. Arab Saudi yang telah memenangi undian bagi kerusi tidak tetap di Majlis Keselamatan PBB nekad untuk menolak kerusi tersebut walaupun sebelum ini telah berhasrat untuk mendapatkannya. Melihat kepada perkembangan ini, Amerika Syarikat terpaksa akur untuk bertindak secara berseungguh-sungguh ke atas pentadbiran Al-Assad.

Washington cuba memulihkan hubungannya dengan Arab Saudi walaupun reputasi hubungan Amerika-Saudi terjejas.

#### **4.3 PERSAMAAN PENDEKATAN DI ANTARA AMERIKA SYARIKAT DAN ARAB SAUDI**

Dalam krisis di Syria, Amerika Syarikat bekerjasama dengan Arab Saudi dalam memberi bantuan kewangan dan senjata kepada pemberontak dan penganas. Senjata-senjata ini diimport dari pelbagai negara untuk tujuan menentang rejim Al-Assad.

Reaksi dari pemimpin-pemimpin Arab Saudi pula, secara majoriti, menyokong tindakan Amerika Syarikat untuk melancarkan serangan ke atas Syria. Terkini, John Kerry telah menyatakan bahawa Arab Saudi bersetuju untuk menanggung kos serangan ini.

Memandangkan kadar pembunuhan masyarakat Syria semakin meningkat, satu perjanjian telah dimeterai di Perhimpunan Aman Geneva pada September 2012. Perjanjian ini bertujuan untuk menyekat pentadbiran Al-Assad dari melakukan pembunuhan masyarakat Syria oleh pentadbiran Al-Assad yang semakin menular. Langkah Amerika Syarikat di perhimpunan ini mendapat sokongan Arab Saudi ( Radha and Fishman 2014 ).

Presiden Obama menyatakan bahawa pentadbirannya akan memilih jalan penyelesaian diplomatik. Ini membuktikan bahawa kesanggupan pentadbiran

Amerika memilih alternatif lain di dalam meneutralkan senjata-senjata bahan kimia di Syria tidak dapat dinafikan. Arab Saudi turut memilih jalan penyelesaian diplomatik. Kerajaan Arab Saudi mengadakan perbincangan isu-isu Syria dengan perwakilan Arab Saudi ke Syria. Di dalam perbincangan ini, polisi-polisi pentadbiran kerajaan Assad dianalisa dan dikenalpasti. Perbincangan ini turut mengaplikasikan unsur diplomasi sebagai salah satu cara yang efektif bagi menyelesaikan isu Syria.

Berpandukan pandangan Arab Saudi, Amerika Syarikat berhasrat melancarkan serangan roket ke atas pentadbiran Al-Assad. Walaubagaimanapun, hasrat ini tidak tercapai. Amerika Syarikat gagal untuk menjatuhkan pentadbiran Al-Assad dengan menggunakan roket di dalam serangan yang sepatutnya berlaku pada 21 Ogos 2012 (Radha and Fishman, 2014).

#### **4.4 KESIMPULAN**

Secara tuntasnya, bab ini menggariskan ketiadaan satu keputusan yang konsensus di Amerika Syarikat di dalam membekalkan senjata kepada pemberontak di Syria mahupun campur tangan tentera Amerika Syarikat ke atas keadaan yang sedang berlaku di Syria. Pada masa yang sama, kerajaan Amerika Syarikat berusaha untuk mencari kebenaran isu penggunaan senjata kimia oleh kerajaan Syria ke atas rakyatnya. Kerajaan Arab Saudi menggunakan strategi tertentu bagi mengatasi peperangan ini. Di antara strategi tersebut ialah mencadangkan draf pelan damai Arab, menghantar perwakilan ke Syria, mengawal pergerakan pejuang-pejuang Islam dari menyertai peperangan di Syria, dan mengumpul dana untuk kegunaan penduduk Syria yang menjadi pelarian di Arab Saudi.

Amerika Syarikat bekerjasama dengan Arab Saudi dalam memberi bantuan kewangan dan senjata kepada pemberontak dan pengganas. Arab Saudi, secara majoriti menyokong tindakan Amerika Syarikat untuk melancarkan serangan ke atas rejim Al-Assad. Akhirnya, Presiden Amerika Syarikat dan Arab Saudi menyatakan bahawa mereka akan memilih jalan penyelesaian diplomatik untuk mengakhiri keganasan yang berlaku di Syria.

## **BAB LIMA**

### **IMPLIKASI TINDAKAN AMERIKA SYARIKAT DAN ARAB SAUDI DI DALAM MENYELESAIKAN PERANG SAUDARA DI SYRIA**

#### **5.0 KESAN-KESAN PENDEKATAN WASHINGTON DAN RIYADH**

Arab Saudi kecewa selepas Amerika Syarikat menahan dirinya daripada menggunakan serangan ketenteraan sebagai tindak balas kepada serangan gas beracun di Damsyik pada bulan Ogos 2013 ( Jeffry,J,2014). Keengganan melancarkan serangan ini berlaku apabila Al-Assad bersetuju untuk melepaskan senjata kimia yang dimiliki oleh Syria. Arab Saudi berusaha untuk menamatkan pergolakan di Syria melalui pelbagai cara: membiayai perhimpunan radikal untuk melawan Al-Assad dan memberi galakkan kepada Amerika Syarikat untuk mengatur pergerakannya di Syria. Walau bagaimanapun, Amerika Syarikat cuba menghadkan tindakan Arab Saudi menangani isu Syria. Amerika Syarikat meminta Arab Saudi agar tidak membekalkan senjata canggih kepada kumpulan penentang. Amerika bimbang senjata tersebut boleh jatuh ke tangan kumpulan al-Qaeda. Tindakan-tindakan yang kurang efektif menyelesaikan isu Syria (seperti yang dinyatakan di atas) mendatangkan pelbagai bentuk implikasi.

Di antara implikasi-implikasi tindakan Amerika Syarikat dan Arab Saudi di dalam menyelesaikan perang saudara di Syria ialah perasaan negatif terhadap rakan sekutu.

Arab Saudi kecewa dan marah ke atas tindakan pentadbiran Presiden Obama ke atas isu Syria. Arab Saudi menunjukkan kekecewaannya terhadap dasar luar Presiden Obama yang menolak usul di Majlis Keselamatan PBB bagi menamatkan perang di Syria. Dengan berakhirnya perang ini, isu-isu yang melingkari Timur Tengah dapat diatasi. Ketika mesyuarat di London, John Kerry menyatakan bahawa perbincangan mengenai kebimbangan Riyadh terhadap isu Syria telah diperbincangkan dengan Menteri Luar Arab Saudi, Putera Saud al-Faisal. Perbincangan ini dilakukan di Paris. John Kerry mengakui bahawa hubungan di antara Arab Saudi dan Amerika Syarikat akan berterusan. Kedua-dua negara adalah rakan yang rapat dan kritikal. *'I have incredible trust that the United States and Saudi Arabia will keep on being the nearby and critical companions and associates that we have been..'*(BBC News, 2014)

Kekecewaan Arab Saudi terhadap Amerika Syarikat juga dikaitkan dengan tindakan Washington ke atas negara-negara jiran Arab Saudi, khususnya Iran dan Bahrain. Amerika Syarikat cuba membina hubungan yang baik dengan Tehran. Ini menyebabkan Arab Saudi merasakan bahawa Amerika Syarikat lebih berpihak kepada Iran. Arab Saudi juga mengambil berat tentang tanda-tanda perdamaian antara Washington dan Tehran dan mula berasa bimbang ke atas perdamaian ini. Arab Saudi juga kecewa dengan Amerika Syarikat di dalam meredakan pergolakan di Bahrain. Kerajaan Amerika Syarikat kurang memberi sokongan kepada Arab Saudi di dalam membantu Bahrain menangani pergolakan domestik: pemerintah Bahrain dicabar oleh golongan anti-kerajaan pada tahun 2011.

Kesan kedua ialah tindakan individu-individu yang mempunyai pengaruh besar di dalam hubungan Amerika-Arab Saudi. Tindakan-tindakan ini agak kasar dan boleh menjejaskan hubungan di antara kedua-dua negara. Putera Bandar, bekas diplomat Arab Saudi ke Washinton selama 22 tahun, menyatakan kerenggangan hubungan di antara Washington dan Riyadh. Beliau memberitahu perunding-perunding Eropah bahawa Amerika Syarikat gagal bertindak menangani konflik Israel-Palestin dan isu dalaman rejim Presiden Bashar al-Assad. Seorang pemimpin kanan Arab Saudi juga mengkaji strategi yang dibuat oleh Presiden Obama di Timur Tengah. Beliau menyalahkan pemimpin Amerika Syarikat kerana tidak melakukan tindakan yang bersungguh-sungguh ke atas isu Syria dan proses perdamaian Israel-Palestin.

Implikasi ketiga ialah penolakkan tawaran kedudukan penting di institusi antarabangsa. Adalah menjadi perkara biasa apabila ada negara yang sanggup mengorbankan penglibatannya di dalam Majlis Keselamatan PBB: Arab Saudi melepaskan pemilihan ke kerusi tidak tetap di Majlis Keselamatan PBB. Tindakan ini wujud daripada ketidakpuasan hati dan kekecewaan Arab Saudi terhadap peranan badan tersebut dan tindakan Amerika Syarikat. Chris Van Hollen, seorang ahli Dewan Perwakilan Amerika Syarikat, menyatakan bahawa tindakan Arab Saudi bertujuan untuk menggesa Presiden Obama agar segera bertindak ke atas perang saudara di Syria (BBC News, 2014) .

Cadangan dan harapan kerajaan Saudi terhadap Amerika Syarikat merupakan implikasi keempat tindakan kedua-dua negara ke atas isu Syria. Arab Saudi menyatakan bahawa penyelarasan tindakan Amerika Syarikat ke atas perang di Syria



mungkin boleh dilakukan. Arab Saudi juga telah mencadangkan beberapa perubahan yang harus diimplimentasikan di dalam hubungan antara Amerika Syarikat dan negara-negara kuasa besar lain. Cadangan ini boleh mendatangkan hasil yang menguntungkan. Contoh-contoh hasil tersebut adalah penawaran senjata dan transaksi minyak. Arab Saudi selaku pengeksport minyak terbesar di dunia telah menawarkan pendapatan yang besar kepada ekonomi Amerika Syarikat. Pendapatan ini diperolehi dari kitaran keuntungan yang dikenali sebagai “oil dollar”. Bank Nasional juga merupakan sumbangan terbesar kepada Perbendaharaan Amerika Syarikat. Jumlah sumbangan ini mencecah US\$690 juta dollar.

Implikasi seterusnya ialah ketidakcekan Majlis Keselamatan PBB menyelesaikan isu semasa untuk satu tempoh yang lama. Konflik dan peperangan di Syria melumpuhkan Majlis Keselamatan PBB selama 31 bulan (hampir tiga tahun). Ini disebabkan oleh tindakan ahli-ahli tetap seperti Rusia dan China yang berulang kali menyekat langkah-langkah kuasa-kuasa besar lain di PBB untuk menentang Al-Assad.

Kepimpinan Syria untuk terus bersuara mengkritik pengaruh dan aktiviti kumpulan penganas di Syria merupakan implikasi kepada tindakan Arab Saudi dan Amerika Syarikat terhadap isu yang diperbincangkan. Pemimpin Syria mengutuk pemberontakan yang berlaku dan mengaitkannya dengan kumpulan al-Qaeda. Kumpulan ini dikatakan mendapat sokongan dari negara-negara Sunni. Pemimpin

Syria adalah berketurunan Alawi (Alawi ialah salah satu cabang Syiah) dan mendapat sokongan dari Iran dan pergerakan Syiah Hizbullah.

Negara jiran Syria kurang yakin dengan usaha-usaha yang dilakukan oleh Amerika Syarikat dan pertubuhan antarabangsa. Kepimpinan Turki memandang sinis terhadap strategi yang dikemukakan oleh Presiden Obama terutamanya perancangan untuk memusnahkan senjata yang dimiliki oleh rejim Al-Assad. Kepimpinan ini beranggapan bahawa strategi ini adalah satu helah yang dibuat oleh Presiden Obama untuk mengelak sebarang aktiviti ketenteraan di Syria. Turki menyatakan bahawa Amerika Syarikat akan berjaya dalam menyelesaikan isu Syria sekiranya pendekatan yang dikenali sebagai '*open arms approach*' di aplikasikan ke atas Iran. Iran dilihat mencampuri urusan di Syria, Lebanon, Yaman, Iraq dan Bahrain. Turki juga berasa kecewa terhadap kegagalan Majlis Keselamatan PBB menyelesaikan isu Syria (BBC News, 2014) .

## **5.1 KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, pendekatan-pendekatan yang dilaksanakan oleh Amerika Syarikat dan Arab Saudi telah memberi beberapa impak positif dan negatif di dalam menangani konflik syria. Antara implikasi- implikasi negatif yang dikenalpasti di dalam bab ini adalah perasaan negatif terhadap rakan sekutu; tindakan individu-individu yang mempunyai pengaruh besar di dalam hubungan Amerika-Arab Saudi dan boleh menjejaskan hubungan di antara kedua-dua negara; dan ketidakcekan Majlis Keselamatan PBB menyelesaikan sesuatu isu. Kesan-kesan positif boleh

dilihat di dalam bentuk cadangan dan harapan kerajaan Saudi terhadap Amerika Syarikat termasuk penyelarasan tindakan Amerika Syarikat ke atas perang di Syria.

## **BAB ENAM**

### **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

#### **6.0 PENGENALAN**

Bab ini merangkumi keseluruhan hasil kajian. Bab ini telah dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu kesimpulan dan cadangan. Lima objektif yang disenaraikan di bahagian awal kajian ini akan dibincangkan secara ringkas berdasarkan keputusan kajian di bab tiga, empat dan lima.

#### **6.1 KESIMPULAN**

Tuntasnya, perang saudara di Syria umpama mimpi ngeri yang perlu dihentikan daripada dibiarkan berterusan. Konflik di Syria yang membawa kepada perang saudara telah memasuki tahun ke empat, bermula dengan protes oleh pihak pembangkang di Selatan Bandar Deera pada 11 Mac. Hampir setiap hari konflik yang berlaku di antara puak pemberontak dan pihak kerajaan berlaku. Dianggarkan jumlah kematian mencecah lebih daripada 140 000 orang, beribu-ribu rakyat telah meninggalkan bumi Syria dan struktur komuniti rakyat Syria hampir musnah.

Setelah dua tahun konflik di Syria berlaku, pemerhati antarabangsa bertindak untuk menjatuhkan Presiden Bashar al-Assad. Campur tangan Amerika Syarikat dan Arab Saudi di Syria dilihat cuba menghapuskan senjata kimia di Negara ini. Namun demikian, masyarakat antarabangsa masih belum melihat kemelut di Syria berakhir.

## 6.2 CADANGAN

Tindakan Amerika Syarikat dan Arab Saudi di dalam menyelesaikan perang saudara di Syria amat diperlukan. Di antara tindakan-tindakan yang boleh diteruskan dan dilaksanakan oleh negara-negara ini ialah meningkatkan bantuan bekalan keperluan kepada rakyat Syria. Amerika Syarikat dan Arab Saudi perlu bekerjasama di dalam merancang dan mengurus bantuan-bantuan yang diterima dari seluruh negara.

Bantuan yang diberikan tidak sahaja tertumpu kepada keperluan rakyat Syria. Bantuan berbentuk keewangan harus diperluaskan kepada projek-projek yang dilakukan oleh golongan aktivis, masyarakat awam dan golongan perintis. Projek-projek ini diharap mampu membawa pengaruh yang besar ke atas penyelesaian isu Syria (Claire, Phillips and Kinninmont,2013).

Bentuk bantuan lain yang boleh diteruskan oleh Amerika Syarikat dan Arab Saudi ialah mendekati rejim Al-Assad melalui kaedah diplomasi. Pendekatan ini perlu diperkemaskan agar keamanan di Syria dapat dipulihkan dengan segera.

Pendekatan alternatif yang boleh dilakukan oleh kerajaan Amerika Syarikat dan Arab Saudi adalah campur tangan ketenteraan. Terdapat pihak-pihak yang mendesak Amerika Syarikat menggunakan kuasa ketenteraan serta-merta. Di dalam melaksanakan pendekatan ini, pengalaman penglibatan tentera Amerika Syarikat di Libya dan Iraq perlu di ambil kira. Mempelajari dari pengalaman yang lalu boleh mengurangkan risiko campur tangan ketenteraan dan seterusnya menamatkan perang saudara di Syria (Claire, Phillips and Kinninmont,2013).

Amerika Syarikat perlu campur tangan ketenteraan bagi menghentikan siri peperangan yang memungkinkan kebangkitan semangat jihad dikalangan orang Islam. Tambahan pula jika Al-Assad jatuh, kemungkinan para pendokong sekular dan demokrasi akan berhadapan pula dengan penguasaan kumpulan yang bersekongkol dengan Al-Qaeda (Ahmed.N, 2013 ).

Amerika Syarikat dan Arab Saudi perlu bekerjasama dengan rakyat Syria sekiranya campurtangan ketenteraan membawa kepada kejatuhan rejim Al-Assad. Kerjasama ini boleh direalisasikan melalui pembentukan visi dan misi kerajaan baru: kerajaan ini harus mengambil berat kepentingan etnik dan agama serta mengukuhkan kembali identiti rakyat Syria. Visi dan misi ini harus dinyatakan dengan jelas dan difahami oleh penduduk Syria.

Amerika Syarikat dan Arab Saudi perlu melibatkan negara-negara rakan di dalam usaha menangani perang saudara di Syria. Negara-negara rakan ini mempunyai pengaruh yang begitu signifikan ke atas pergolakan dalaman Syria. Negara-negara ini (seperti Iran, Iraq dan Qatar) sering dikaitkan dengan aktiviti pembekalan senjata dan pemberian bantuan kewangan kepada pemberontak-pemberontak di Syria. Negara-negara rakan ini juga merujuk kepada negara-negara di rantau Timur Tengah sering dilibatkan dengan isu-isu berkaitan pergolakan di antara Sunni dan Syiah.

Amerika Syarikat diharap dapat menyertai usaha-usaha Liga Arab di dalam menjadikan *Syrian National Coalition* sebagai pencetus keamanan di Syria (Nota: Arab Saudi adalah ahli Liga Arab). *Syrian National Coalition* memerlukan bantuan

kewangan serta sokongan politik dari negara-negara luar bagi mengembalikan kestabilan politik di Syria.

Amerika Syarikat diharap dapat menunaikan hasratnya melindungi rakyat yang dizalimi oleh pemerintahnya (Nota: Di dalam konteks ini, Amerika Syarikat wajar menyediakan bantuan mencari jalan keluar kepada perang saudara yang berlaku di Syria). Harapan ini berlandaskan kepada komitmen Amerika Syarikat yang diwar-warkan ketika sambutan International Holocaust Remembrance Day yang diadakan pada bulan Januari 2013. Amerika Syarikat bersetuju untuk bekerjasama dengan masyarakat antarabangsa bagi menghalang mana-mana diktator atau autokrat yang melakukan kekejaman terhadap rakyatnya(Claire, Phillips and Kinninmont,2013). .

## References

- Abraham, R. (2014). *Understanding the Syrian Crisis*. [online] Academia.edu.  
Available at: [http://www.academia.edu/4092283/Understanding\\_the\\_Syrian\\_Crisis](http://www.academia.edu/4092283/Understanding_the_Syrian_Crisis)  
[Accessed 8 Mar. 2014].
- Ahmed, N. (2013). *Syria intervention plan fueled by oil interests, not chemical weapon concern*. [online] the Guardian. Available at:  
<http://www.theguardian.com/environment/earth-insight/2013/aug/30/syria-chemical-attack-war-intervention-oil-gas-energy-pipelines> [Accessed 15 Mar. 2014].
- Al Akhbar English, (2014). *Saudi-Syrian Relations: A Historic Divide*. [online]  
Available at: <http://english.al-akhbar.com/node/3906> [Accessed 17 Apr. 2014].
- Ali, T. (2014). *Tariq Ali: On intervening in Syria*. [online] LRB blog. Available at:  
<http://www.lrb.co.uk/blog/2013/08/28/tariq-ali/on-intervening-in-syria/> [Accessed 26 Mar. 2014].
- Arabnews.com, (2014). *Will Saudi-US relations endure Syria's debacle?*. [online]  
Available at: <http://www.arabnews.com/news/526801> [Accessed 17 May. 2014].
- Bakri, N. (2011). United Nations says unrest in Syria amounts to civil war. *New York Times*, 1.



BBC News, (2014). *Syria crisis: Where key countries stand*. [online] Available at:  
<http://www.bbc.com/news/world-middle-east-23849587> [Accessed 13 Apr. 2014].

BBC News, (2014). *Syria profile*. [online] Available at:  
<http://www.bbc.com/news/world-middle-east-14703995> [Accessed 15 May. 2014].

BBC News, (2014). *Syria: Mapping the conflict*. [online] Available at:  
<http://www.bbc.com/news/world-middle-east-22798391> [Accessed 26 May. 2014].

BBC News, (2014). *Syria: The story of the conflict*. [online] Available at:  
<http://www.bbc.co.uk/news/world-middle-east-26116868> [Accessed 26 Mar. 2014].

Bound, M. (2014). *Syrian Conflict Evaluation*. [online] Academia.edu. Available at:  
[http://www.academia.edu/4104483/Syrian\\_Conflict\\_Evaluation](http://www.academia.edu/4104483/Syrian_Conflict_Evaluation) [Accessed 21 Apr. 2014].

Council on Foreign Relations, (2013). *Syria's Crisis and the Global Response*. [online] Available  
at:[http://www.cfr.org/syria/syrias-crisis-global-response/p28402?cid=rss-fullfeed-syria\\_s\\_crisis\\_and\\_the\\_global\\_-053012](http://www.cfr.org/syria/syrias-crisis-global-response/p28402?cid=rss-fullfeed-syria_s_crisis_and_the_global_-053012) [Accessed 22 May. 2014].

Council on Foreign Relations, (2014). *Syria's Crisis and the Global Response*. [online] Available at: <http://www.cfr.org/syria/syrias-crisis-global-response/p28402#p5> [Accessed 12 Mar. 2014].

Encyclopedia Britannica, (2014). *Syrian Civil War (Syrian history)*. [online] Available at: <http://www.britannica.com/EBchecked/topic/1781371/Syrian-Civil-War> [Accessed 12 May. 2014].

euronews, (2014). *Deadly anniversary as Syrian conflict enters fourth year*. [online] Available at: <http://www.euronews.com/2014/03/15/deadly-anniversary-as-syrian-conflict-enters-fourth-year/> [Accessed 14 May. 2014].

F.Jeffry, J. (2014). *A New Approach to the Syria Crisis*. [online] Washingtoninstitute.org. Available at: <http://www.washingtoninstitute.org/policy-analysis/view/a-new-approach-to-the-syria-crisis> [Accessed 15 Mar. 2014].

Foreign Affairs, (2014). *Foreign Affairs Report: Syria in Crisis*. [online] Available at: <http://www.foreignaffairs.com/features/collections/foreign-affairs-report-syria-in-crisis> [Accessed 17 Apr. 2014].

Foreign Policy, (2014). *The Real Reason to Intervene in Syria*. [online] Available at: [http://www.foreignpolicy.com/articles/2012/06/04/the\\_real\\_reason\\_to\\_intervene\\_in\\_syria](http://www.foreignpolicy.com/articles/2012/06/04/the_real_reason_to_intervene_in_syria) [Accessed 20 Apr. 2014].

Google.com.my, (2014). *syria and arab relationship pdf* - *Google Search*. [online]

Available at:

[https://www.google.com.my/search?q=syria+and+arab+relationship+pdf&oq=SYRIA+AND+ARAB+RELATIONSHIP&sourceid=chrome&espv=2&es\\_sm=122&ie=UTF-8](https://www.google.com.my/search?q=syria+and+arab+relationship+pdf&oq=SYRIA+AND+ARAB+RELATIONSHIP&sourceid=chrome&espv=2&es_sm=122&ie=UTF-8) [Accessed 15 May. 2014].

International approaches in Syria civil war, (2014). *THE SYRIAN CIVIL WAR ON HUMAN DIGNITY: 89 International approaches towards domestic quarrels*.

[online] Available at:

<http://www.sinus.org.br/2013/wp-content/uploads/2013/03/3.-UNSC-Artigo.pdf>  
[Accessed 6 May. 2014].

Mail Online, (2013). *Saudi Arabia severs ties with US over response to conflict in Syria*.

[online] Available at:

<http://www.dailymail.co.uk/news/article-2472680/Saudi-Arabia-severs-diplomatic-ties-US-response-conflict-Syria.html> [Accessed 19 May. 2014].

Manfreda, P. (2014). *Options for intervention in Syria*. [online] About.com Middle East

Issues. Available at:

<http://middleeast.about.com/od/syria/tp/Options-For-Intervention-In-Syria.htm>  
[Accessed 13 May. 2014].

Manfreda, P. (2014). *Reasons for US intervention in Syria*. [online] About.com Middle East Issues. Available at:

<http://middleeast.about.com/od/syria/a/Reasons-For-Us-Intervention-In-Syria.htm>

[Accessed 18 Apr. 2014].

Manfreda, P. (2014). *Syrian Civil War Explained*. [online] About.com Middle East Issues. Available at:  
<http://middleeast.about.com/od/syria/tp/Syrian-Civil-War-Explained.htm>  
[Accessed 17 Apr. 2014].

openDemocracy, (2014). *A fragile cold peace: the impact of the Syrian conflict on Israeli-Syrian relations* / openDemocracy. [online] Available at:  
<http://www.opendemocracy.net/arab-awakening/cathrine-thorleifsson/fragile-cold-peace-impact-of-syrian-conflict-on-israeli-syrian-> [Accessed 15 May. 2014].

PolicyMic, (2013). *Syria Civil War Requires U.S. Intervention Now*. [online] Available at:  
<http://www.policymic.com/articles/24902/syria-civil-war-requires-u-s-intervention-now> [Accessed 12 May. 2014].

Princeton.edu, (2013). *Neorealism (international relations)*. [online] Available at:  
[https://www.princeton.edu/~achaney/tmve/wiki100k/docs/Neorealism\\_\(international\\_relations\).html](https://www.princeton.edu/~achaney/tmve/wiki100k/docs/Neorealism_(international_relations).html) [Accessed 4 May. 2014].

Lebow, R. (2014). *Classical Realism*. [online] Is.muni.cz. Available at:  
[https://is.muni.cz/do/fss/57816/40125114/Dunne\\_Kurki\\_Smith\\_International\\_Relations\\_Theories\\_52-228.txt](https://is.muni.cz/do/fss/57816/40125114/Dunne_Kurki_Smith_International_Relations_Theories_52-228.txt) [Accessed 8 May. 2014].

Rand.org, (2014). *The Dynamics of Syria's Civil War* / RAND. [online] Available at:

<http://www.rand.org/pubs/perspectives/PE115.html> [Accessed 20 May. 2014].

Refugees, U. (2014). Refworld | The Leader in Refugee Decision Support. [online] Refworld. Available at: <http://www.refworld.org/> [Accessed 14 May. 2014].

Researchgate.net, (2012). *What are the basic concepts of neorealism?*. [online] Available at: [http://www.researchgate.net/post/What\\_are\\_the\\_basic\\_concepts\\_of\\_neorealism](http://www.researchgate.net/post/What_are_the_basic_concepts_of_neorealism) [Accessed 26 May. 2014].

Staff, C. (2014). *By the numbers: Syria deaths*. [online] CNN. Available at: <http://www.cnn.com/2013/01/08/world/meast/syria-civil-war-compare/> [Accessed 14 May. 2014].

Stepanova, E. (2012). *The Syrian Civil War TRANSITION WITHOUT INTERVENTION?*. [online] Institute of World Economy and International Relations (IMEMO) (Moscow). Available at: [http://www.ponarseurasia.org/sites/default/files/policy-memos-pdf/pepm\\_228\\_Stepanova\\_Sept2012.pdf](http://www.ponarseurasia.org/sites/default/files/policy-memos-pdf/pepm_228_Stepanova_Sept2012.pdf) [Accessed 7 May. 2014].

The Conversation, (2013). *Obama's Syria strategy: the war he doesn't want*. [online] Available at: <http://theconversation.com/obamas-syria-strategy-the-war-he-doesnt-want-18095> [Accessed 20 Apr. 2014].

The Independent, (2013). *Syria crisis: More signs US involvement in civil war may be*

*greater than first anticipated as Obama looks to boost rebels.* [online] Available at:

<http://www.independent.co.uk/news/world/americas/syria-crisis-more-signs-us-involvement-in-civil-war-may-be-greater-than-first-anticipated-as-obama-looks-to-boost-rebels-8802694.html> [Accessed 16 May. 2014].

The Independent, (2013). *Syria crisis: More signs US involvement in civil war may be greater than first anticipated as Obama looks to boost rebels.* [online] Available at:

<http://www.independent.co.uk/news/world/americas/syria-crisis-more-signs-us-involvement-in-civil-war-may-be-greater-than-first-anticipated-as-obama-looks-to-boost-rebels-8802694.html> [Accessed 16 May. 2014].

Tinnes, J. (2013). Literature on the Conflict in Syria (2011 – November 2013). *Perspectives on Terrorism*, [online] 7(6). Available at:

<http://www.terrorismanalysts.com/pt/index.php/pot/article/view/317/html> [Accessed 26 May. 2014].

U.S and Saudi Arabia intervention in Syria civil war, (2014). *SYRIA'S SOCIALLY MEDIATED CIVIL WAR.* [online] Available at:

<http://www.usip.org/sites/default/files/PW91-Syrias%20Socially%20Mediated%20Civil%20War.pdf> [Accessed 8 May. 2014].

Waltz, K. (2013). *Neorealism in International Relations – Kenneth Waltz.* [online] POPULAR SOCIAL SCIENCE. Available at:

<http://www.popularsocialscience.com/2013/11/06/neorealism-in-international-relations-kenneth-waltz/> [Accessed 18 May. 2014].

Washingtoninstitute.org, (2014). *Syria's Collapse and How Washington Can Stop It*.

[online] Available at:

<https://www.washingtoninstitute.org/policy-analysis/view/syrias-collapse-and-how-washington-can-stop-it> [Accessed 16 May. 2014].


Wikipedia, (2014). *Foreign involvement in the Syrian Civil War*. [online] Available at:

[http://en.wikipedia.org/wiki/Foreign\\_involvement\\_in\\_the\\_Syrian\\_Civil\\_War](http://en.wikipedia.org/wiki/Foreign_involvement_in_the_Syrian_Civil_War)  
[Accessed 7 May. 2014].

Wikipedia, (2014). *International reactions to the Syrian Civil War*. [online] Available

at: [http://en.wikipedia.org/wiki/International\\_reactions\\_to\\_the\\_Syrian\\_Civil\\_War](http://en.wikipedia.org/wiki/International_reactions_to_the_Syrian_Civil_War)  
[Accessed 19 May. 2014].

## LAMPIRAN 1: SYRIA: MAPPING THE CONFLICT




Diperolehi dari:

<http://www.bbc.com/news/world-middle-east-22798391>




## LAMPIRAN 2 : SYRIAN REFUGEE CRISIS



Diperolehi dari:

<http://www.mercycorps.org/articles/iraq-jordan-lebanon-syria/quick-facts-what-you-need-know-about-syria-crisis>

## LAMPIRAN: THE SYRIA REFUGEE FLOOD



Diperolehi dari:

<https://www.google.com.my/search?q=syrian+refugee+statistics&espv=2&biw=1280&bih=675>